

## BAB IV

### PENYELESAIAN PERTIKAIAN DAN PEMBUBARAN MUDĀRABAH

Setelah perniagaan *mudārabah* dilaksanakan dan penyelesaian akaun dibuat, *mudārib* dikehendaki menyerahkan kembali modal yang digunakan dalam perniagaan berkenaan. Dalam proses menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan *mudārabah* untuk seterusnya menamatkan kontrak itu, ada kemungkinan berlaku pertikaian antara pemilik modal dan *mudārib* mengenai berbagai perkara berhubung dengan kontrak berkenaan. Pertikaian mungkin berlaku dari segi jumlah modal, kadar keuntungan, sifat modal, dari segi khusus dan umum, *muflaq* dan *muqayyad* dan pertikaian mengenai sah atau tidaknya kontrak yang telah mereka buat. Dalam bab ini akan diperkatakan mengenai penyelesaian pertikaian yang berlaku antara pemilik modal dan *mudārib* dan seterusnya membincangkan berkenaan pembubaran kontrak *mudārabah*.

#### A. Penyelesaian Pertikaian

Pada asalnya dalam perkara yang berkaitan dengan dakwaan ialah bahawa keterangan hendaklah diberi oleh orang yang mendakwa dan sumpah dikenakan ke atas orang yang mengingkarinya iaitu orang yang menolak dakwaan. Keterangan hendaklah dikemukakan oleh pihak yang mendakwa dalam hal yang bertentangan dengan perkara yang nyata. Orang yang berpegang dengan perkara yang nyata memadai dengan sumpah sebagai penyaksian dan peneguhannya. Atas prinsip inilah penyelesaian pertikaian dalam kontrak

*mudārabah* dibuat. Berikut dikemukakan beberapa bentuk pertikaian dan cara menyelesaikannya mengikut prinsip yang diasaskan kepada hadith Rasul Allah s. 'a.w.<sup>1</sup>

### 1. Pertikaian mengenai kadar modal

§

Jika berlaku pertikaian antara *mudārib* dan pemilik modal berhubung dengan kadar (jumlah) modal, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata *mudārib* beserta sumpahnya.<sup>2</sup> Misalnya kalau wang yang ada di tangan *mudārib* RM 1,000 dan *mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyerahkan wang modal kepadanya sebanyak RM 500 dan yang RM500 lagi adalah keuntungan *mudārabah*. Manakala pemilik modal mendakwa dia menyerahkan modal kepada *mudārib* sebanyak RM 1,000. Maka diterima kata-kata *mudārib* kerana pertikaian ini berkait dengan kadar (jumlah) yang diterimanya. Diterima kata-kata orang yang menerima wang itu sama ada dia dikenakan jaminan (*damān*) seperti perampas atau seorang yang diberi kepercayaan seperti penyimpan barang *wadi'ah* kerana dia lebih tahu tentang jumlah wang yang diterimanya.<sup>3</sup> Ini kerana pemilik modal mendakwa *mudārib* menerima sesuatu sedangkan *mudārib* menafikannya. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang menolak

---

<sup>1</sup> Kenyaataan ini berasaskan hadith Rasul Allah s. 'a. w : أَبْيَةُ عَلَى الْمُدْرِبِ وَالْمُجِنِّ على مِنْ تَنَكَرْ : Keterangan atas pihak yang mendakwa dan sumpah atas orang yang bermaksud: Keterangan atas pihak yang mendakwa dan sumpah atas orang yang mengingkari (yang menolak dakwaan), riwayat al-Bayhaqī. Lihat Ibn Hajar al- 'Asqalānī, (t.t.) *Bulugh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, Dār al-Fikr , h. 291.

<sup>2</sup> Berlaku pebezaan pendapat antara *fūqahā'* Syafi'i dan majoriti *fūqahā'* *Sunnī* berhubung dengan pensyarat sumpah bagi menyokong kata-kata *mudārib* dalam pertikaianya dengan pemilik modal mengenai jumlah modal dalam keadaan perniagaan itu tidak mendapat keuntungan. Majoriti *fūqahā'* berpendapat hahaha kata-kata yang diterima sebagai pemutus ialah kata *mudārib* tanpa perlu bersumpah. Ini kerana mereka berselisih pendapat mengenai apa yang diterima oleh *mudārib*, maka kata-kata yang diterima dalam hal ini ialah kata-kata penerimanya (*qabid*). Lihat al-Mawardi (1959) , *op.cit.*, j. 9, h. 152; al-Marghinānī (t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h. 214 ; al-Tanūkhī (t.t.) , *op.cit.*, j.4, h. 127.

<sup>3</sup> al-Marghinānī (t.t.) , *op.cit.*, h. 214.

dakwaan.<sup>4</sup> Jika *mudārib* menolak dakwaan terhadap penerimaan asalnya (RM 500) kata-katanya juga diterima. Begitu juga dengan penolakan terhadap dakwaan penerimaan tambahan (RM 500 yang kedua) kata-kata *mudārib* diterima sebagai pihak yang menang (benar).

Menurut Ibn al-Mundhir bahawa semua ahli ilmu sepakat dalam perkara pertikaian antara pemilik modal dan *mudārib* mengenai kadar modal *mudārabah*, di mana kata-kata yang dianggap benar dan diterima sebagai pemutus ialah kata-kata *mudārib* bersama sumpahnya, jika pemilik modal tiada keterangan.<sup>5</sup> *Mudārib* adalah orang yang diberi kepercayaan dalam harta *mudārabah*. Pemilik modal membuat dakwaan atas adanya tambahan dalam jumlah modal dan dakwaannya dinasikan oleh *mudārib*. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang menolak dakwaan dengan sumpahnya.<sup>6</sup>

## 2. Pertikaian mengenai kadar keuntungan.

Menurut al-Sarakhsī, seorang *fuqahā'* Hanafī bahawa dalam menyelesaikan pertikaian berhubung dengan penentuan kadar keuntungan, kata-kata pemilik modal diterima bersama sumpahnya kerana dia berada di pihak yang menolak dakwaan. Manakala *mudārib* diminta memberi keterangan berkenaan dengannya kerana haknya dalam keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar yang ditentukan dalam syarat kontrak. *Mudārib* menuntut bahagian yang lebih daripada apa yang disyaratkan kepadanya oleh pemilik modal.<sup>7</sup> Tetapi jika kedua-

<sup>4</sup> al-Bahūtī ( t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h. 523.

<sup>5</sup> al- Mahmūd ( 1981) , *op.cit.*, h. 98.

<sup>6</sup> Ibn Qudāmah,(1981) *op.cit.*, j. 5, h.76

<sup>7</sup> al-Sarakhsī ( t.t.), *op. cit.*,j. 22, h.89.

duanya memberi keterangan, maka yang diterima ialah keterangan *mudārib* bagi mensesabitkan pertambahan haknya.<sup>8</sup>

Sebab hanya kata-kata pemilik modal yang diterima mengenai kadar untung ialah kerana syarat penentuan keuntungan adalah diperolehi daripada pihaknya. Kerana itu kata-kata yang diterima mengenai kadar yang disyaratkan dalam keuntungan ialah kata-katanya. Kalau dia menafikan syarat mengenai adanya agihan keuntungan dengan menyatakan kepada *mudārib* bahawa dia tidak menjanjikan apa-apa keuntungan untuknya. Sebaliknya dia menyerahkan harta itu kepada *mudārib* untuk diurusniagakan secara *ibdā'*. Dalam hal ini juga kata-katanya diterima sebagai pemutus dan *mudārib* hanya berhak mendapat upah *mithl*.<sup>9</sup> Demikian juga jika dia mengakui sebahagian daripada dakwaan *mudārib* dan menolak sebahagian yang lain.<sup>10</sup> Misalnya dia mengaku ada menjanjikan keuntungan tetapi pada kadar yang tidak sama seperti yang dituntut oleh *mudārib*. Oleh yang demikian kenyataan *mudārib* tidak dapat diterima pada menambahkan kadar untung. Manakala kenyataan pemilik modal boleh diterima dalam hal menentukan kadar peratusan agihan keuntungan.<sup>11</sup>

Dalam mazhab Maliki pula mengenai perkara pertikaian antara *mudārib* dan pemilik modal berhubung dengan kadar agihan keuntungan. Kata-kata yang diterima sebagai benar dan menjadi kata pemutus ialah kata-kata '*āmil* (*mudārib*) dengan sumpah jika apa yang dikemukakan itu adalah perkara yang ada persamaan iaitu yang biasa berlaku dalam kontrak *qirād* (*mudārabah*) dari segi

<sup>8</sup> *Ibid*

<sup>9</sup> *Ibid*.

<sup>10</sup> al-Kāṣāñ (t.t.), *op.cit.*, j. 8 , h. 3657.

<sup>11</sup> *Ibid*.

pertikaian kerana dia adalah pihak yang menolak dakwaan. Kata-katanya diterima bersama sumpahnya.

ii. Golongan yang kedua berpendapat bahawa kata-kata *muḍārib* diterima apabila dia mendakwa kadar kentungan yang ditetntukan kepadanya scimbang dengan kadar upah *mithl* dan tambahan pada kadar kerugian yang sedia ditanggung oleh orang ramai (*mā yataghāban al-nās*). Demikian juga jika dia menuntut lebih dari itu. Tuntutannya tetap diterima, tetapi hak yang boleh diterima olehnya hanya pada kadar upah *mithl*.

Menurut Ibn Rusyd daripada mazhab Maliki bahawa punca perselisihan pendapat antara *fiqahā'* mengenai perkara ini berkisar disekitar persoalan sebab kedatangan hadith Rasul Allah S.'a.w:

الْبِيَّنَةُ عَلَى الْمُدْعِي وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَر<sup>15</sup>

Yang bermaksud: *Keterangan atas orang yang mendakwa dan*

—————  
*sumbah atas orang yang ingkar (menolak dakwaan).*

Apakah sumpah yang dikenakan ke atas pihak yang menolak dakwaan kerana kedudukannya sebagai pihak yang terdakwa sahaja (menolak dakwaan) atau kerana dia mempunyai hujah yang lebih kuat. Bagi mereka yang berpendapat bahawa dia adalah pihak yang terdakwa, maka kata-kata yang diterima sebagai pemutus ialah kata-kata pemilik modal.<sup>16</sup> Pendapat ini adalah

<sup>15</sup>al-'Asqalānī ( t.t ), *op.cit.*

<sup>16</sup>Ibn Rusyd (1971), *op.cit.*, j. 2, h. 243,244.

menjadi pegangan mazhab Hanafi dan satu golongan daripada mazhab Hanbali.<sup>17</sup> Bagi mereka yang berpendapat bahawa dia adalah pihak yang menolak dakwaan dan diminta bersumpah kerana dia mempunyai hujah yang lebih kuat daripada pihak yang mendakwa, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata *mudārib* kerana menurut mereka ia adalah orang yang diberi kepercayaan. Pendapat ini menjadi pegangan al-Imām Mālik dan golongan kedua dalam mazhab Hanbali<sup>18</sup>

Manakala *fugahā'* Syafi'i, mereka beranggapan bahawa kedua-kedua belah pihak adalah orang yang terdakwa (targugat). Kedua-duanya dikehendaki bersumpah dan tidak ada mana-mana pihak antara mereka yang lebih kuat dari pihak lain. Maka kontrak *mudārabah* itu hendaklah dibubarkan dan untuk *mudārib* diberi upah *mithl* sebagai balasan kepada kerjanya.<sup>19</sup> *Fuqahā'* Hanafi yang memberi hak kepada pemilik harta sebagai pemenang dalam pertikaian ini di mana kata-katanya diterima sebagai kata pemutus dalam keadaan-keadaan berikut:<sup>20</sup>

- i. Pertikaian berlaku berpunca daripada kadar keuntungan yang diperuntukkan oleh pemilik modal kepada *mudārib*. *Mudārib* mendakwa dia dijanjikan keuntungan oleh pemilik modal pada kadar yang lebih besar misalnya 1/2, manakala pemilik modal pula mendakwa dia hanya mensyaratkan keuntungan untuk *mudārib* pada kadar 1/3 sahaja. Dalam hal ini, kata-kata pemilik modal diterima dan dia dikehendaki bersumpah. Manakala *mudārib* dikehendaki memberi

<sup>17</sup> *Ibid*, al-Kasāñ ( t. t.), *op. cit.*, j. 8, h. 3657; Ibn Qudāmah ( 1981) , *op.cit.*, h. 77.

<sup>18</sup> Ibn Rusyd ( 1971),*op. cit*; al-Dardir ( 1989),*op. cit.*, j. 3, h. 689; Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.*

<sup>19</sup> al-Khaṭīb ( t.t.) , *op. cit.*, j. 2, h. 322.

<sup>20</sup> al-Sarakhsī, *op.cit.*j. 22 , h. 89-91; al-Kāsāñ, *op.cit.*j. 8 , h. 3655-3658.

keterangan. Tetapi jika kedua-dua pihak iaitu pemilik modal dan *mudārib* memberi keterangan, maka keterangan yang diterima ialah keterangan *mudārib* kerana ianya bolch mensabitkan pertambahan dalam haknya oleh keterangan itu.

3

- ii. Pertikaian berlaku dalam bentuk keraguan sama ada ada disyaratkan keuntungan untuk *mudārib* atau tidak. *Mudārib* mendakwa bahawa dia disyaratkan (dijanjikan) keuntungan *mudārabah* pada kadar 1/2, sedangkan pemilik modal pula berkata bahawa dia tidak menjanjikan sebarang keuntungan untuk *mudārib*. Dalam kes ini dakwaan pemilik modal dianggap benar dan untuk *mudārib* dia berhak mendapat upah *mithl*. Kontrak *mudārabah* itu dianggap rosak kerana tiada penentuan kadar untung untuk *mudārib*.
- iii. Berlaku pertikaian dalam bentuk keraguan di antara nisbah (kadar) peratusan yang ditentukan daripada keuntungan dan jumlah yang ditentukan padanya. Misalnya *mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyerahkan modal *mudārabah* kepadanya dengan menjanjikan separuh keuntungan untuknya. Manakala pemilik modal pula berkata bahawa dia hanya berjanji untuk memberikan RM 100 sahaja kepada *mudārib*. Dalam kes ini pemilik modal dianggap sebagai orang yang terdakwa, kata-katanya diterima dengan disertai sumpah. Untuk *mudārib* diberi upah *mithl*, iaitu mengikut kadar upah yang ditentukan oleh pakar mengenainya kerana penetapan RM 100 untuk *mudārib* merosakkan *mudārabah*.

- iv. Pertikaian dalam bentuk keraguan antara penetapan nisbah peratusan tertentu daripada keuntungan dan penyerahan harta secara *ibdā'* tanpa apa-apa ganjaran untuk *mudārib*. *Mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyerahkan harta kepadanya dengan pensyaratannya 1/2 keuntungan untuknya. Manakala pemilik modal mendakwa bahawa *mudārib* mengambil harta daripadanya secara *ibdā'* tanpa apa-apa bahagian keuntungan untuknya. Dalam hal ini kata-kata pemilik modal diterima bersama sumpahnya. Ini kerana *mudārib* mendakwa bahawa dia berhak ke atas keuntungan. Sedangkan pemilik harta menolak dakwaan. *Mudārib* dikehendaki memberi keterangan kerana dengan cara ini boleh mensabitkan haknya.
- v. Jika berlaku pertikaian berkaitan dengan jumlah tertentu dalam keuntungan yang diperuntukkan kepada *mudārib* dan pengambilan harta secara *ibdā'* tanpa apa-apa ganjaran untuknya. *Mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyerahkan harta untuk diperniagakan dengan menjanjikan keuntungan untuknya sebanyak RM100. Manakala pemilik modal pula mendakwa bahawa *mudārib* mengambil harta daripadanya secara *ibdā'* tanpa apa-apa balasan untuk *mudārib*. Dalam hal ini kata-kata pemilik modal diterima bersama sumpah. Ini kerana *mudārib* mendakwa dia barhak mendapat ganjaran yang berupa hutang dalam tanggungan pemilik modal. Kemungkinan pemilik modal ingin menolak dakwaan itu, penolakan itu boleh diterima dengan sumpah. *Mudārib* pula dikehendaki

memberi keterangan kerana dengan cara ini boleh mensabitkan haknya dalam harta pemilik modal.

vi. Jika berlaku pertikaian dalam bentuk keraguan antara pensyaratn nisbah tertentu daripada keuntungan dan pensyaratn nisbah berkenna bersama pengecualian kadar (jumlah) tertentu daripadanya. *Mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyerahkan harta kepadanya untuk diperniagakan dengan mensyaratkan keuntungan untuknya 1/3 bahagian daripadanya. Pemilik modal pula mendakwa memang benar dia mensyaratkan 1/3 keuntungan untuk *mudārib* tetapi dikecualikan RM 100. Dalam hal ini kata-kata pemilik modal diterima kerana *mudārib* mendakwa dia mempunyai hak yang lebih dalam keuntungan, sedangkan pemilik modal menolak dakwaan tersebut. Kata-kata yang diterima ialah dari pihak penolak dakwaan. Bagi *mudārib* dia boleh memberi keterangan bagi mensabitkan pertambahan haknya.

Ternyata daripada fakta di atas bahawa *fuqabā'* Hanafi menganggap pemilik modal sebagai orang yang terdakwa dalam semua pertikaian berkaitan dengan keuntungan. Mereka melihat bahawa pemilik modal adalah orang yang dianggap benar dengan sumpahnya. Manakala *mudārib* pula dikehendaki memberi keterangan untuk mensabitkan dakwaannya. Walau bagaimanapun terdapat dua keadaan di mana pertikaian yang berkaitan tidak dapat ditundukkan di bawah prinsip ini:

- i. Diterima perkataan *mudārib* dengan sumpahnya dan pemilik modal dikehendaki memberi keterangan. Ini berlaku dalam kes pertikaian di mana *mudārib* mendakwa bahawa dia dijanjikan dengan 1/3

keuntungan oleh pemilik modal. Sedangkan pemilik modal pula berkata bahawa dia mensyaratkan keuntungan untuk *mudārib* sebanyak 1/3 ditambah sepuluh ringgit. Maka dalam hal ini perkataan *mudārib* diterima dengan sumpahnya. Hal ini kerana kedua belah pihak bersetuju bahawa syarat keuntungan untuk *mudārib* ialah 1/3 kemudian pemilik modal menetapkan tambahan ke atas syarat tersebut untuk merosakkan kontrak dan dengan demikian membatalkan hak *mudārib* terhadap keuntungan, maka kata-kata pemilik modal tidak dapat diterima. Dakwaan *mudārib* lebih mantap kerana apa yang didakwanya adalah perkara yang harus dan sah dari segi akad kerana asal dalam sesuatu akad itu adalah sah. Pemilik modal dikehendaki memberi keterangan kerana ianya boleh mensabitkan pertambahan syarat yang merosakkan akad.<sup>21</sup>

- ii. Kata-kata pemilik modal diterima bersama sumpah dan keterangannya diutamakan. Cara penyelesaian ini dilakukan apabila *mudārib* mendakwa bahawa tidak ada apa-apa syarat keuntungan untuknya diberikan oleh pemilik modal yang bermakna tidak ada apa-apa bahagian keuntungan yang dijanjikan untuknya dalam kontrak berkenaan. Manakala pemilik modal pula mendakwa bahawa dia telah mengadakan syarat dengan memperuntukkan 1/2 keuntungan untuk *mudārib*. Perniagaan yang dilakukan oleh *mudārib* tidak mendapat sebarang keuntungan. *Mudārib* bertindak demikian untuk mendapat upah *mithl* dengan cara merosakkan *mudārabah*. Sementara

---

<sup>21</sup> al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j.22, h. 90; al-Kāṣānī (t.t), *op. cit.*, j.8 , h. 3657.

pemilik modal membuat dakwaan demikian supaya tidak perlu mengeluarkan apa-apa bayaran kepada *mudārib* dengan ketiadaan untung.

Dalam kes di atas penyelesaiannya ialah dengan menerima kata-kata pemilik modal dengan sumpah dan keterangannya diutamakan. Hal ini kerana ia membawa makna *mudārib* mendakwa pemilik modal terhutang kepadanya iaitu upah kerjanya yang belum dibayar, sedangkan pemilik modal menafikannya. Perkataan yang diterima adalah perkataan orang yang menafikan (mungkir) dengan sumpahnya. Ini dilakukan jika pemilik modal mengemukakan keterangan atas sesungguhnya dia telah mensyaratkan kepada *mudārib* separuh keuntungan. Manakala *mudārib* pula mengemukakan keterangan bahawa dia tidak diberikan apa-apa bahagian dalam keuntungan. Untuk penyelesaiannya keutamaan diberi kepada keterangan pemilik modal kerana dia mensabitkan syarat 1/2 keuntungan untuk *mudārib*. Keterangan yang dibuat oleh *mudārib* adalah bertujuan untuk membuat penafian, dan persaksian atas penafian tidak diterima, maka dengan itu kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal dan keterangannya diutamakan.<sup>22</sup>

### 3. Pertikaian mengenai jumlah modal dan kadar keuntungan .

Jika berlaku pertikaian mengenai dua perkara iaitu jumlah modal dan kadar keuntungan. Misalnya pemilik modal mendakwa bahawa modal sebenarnya ialah sebanyak RM200 dan dia telah mensyaratkan keuntungan untuk *mudārib* pada kadar 1/3 daripada jumlah keuntungan yang diperolehi. Manakala *mudārib* pula mendakwa bahawa kadar modal sebenarnya hanya RM100 dan

---

<sup>22</sup> al-Sarakhsī ( t.t.) , *op.cit.*

pemilik modal mensyaratkan keuntungan untuknya pada kadar 1/2 . Dalam kes ini kata-kata *mudārib* diterima dalam memutuskan jumlah modal. Diterima bahawa modal *mudārabah* sebenarnya ialah RM 100 kerana dia adalah penerima dan lebih tahu jumlah sebenar yang diterimanya.<sup>23</sup> Mengenai syarat dan penentuan kadar untung untuk *mudārib*, yang diterima ialah kata-kata pemilik modal. Yang dianggap benar ialah kadar keuntungan 1/3 untuk *mudārib* kerana hak mendapat untung diperolehi daripada apa yang disyaratkan dan syarat-syarat itu diperolehi daripada pemilik modal. *Mudārib* mendakwa bahawa kadar keuntungan yang diperuntukkan oleh pemilik modal kepadanya adalah lebih besar. Sedangkan pemilik modal menafikan lebihan itu.

Apabila kedua-dua belah pihak mengemukakan keterangan atas dakwaan masing-masing mengenai lebihan. Diterima dakwaan pemilik modal mengenai tambahan atau lebihan modal itu. Dengan itu, maka dianggap benar bahawa jumlah modal sebenar ialah RM 200. Manakala dalam keterangan terhadap dakwaan mengenai pertambahan kadar pembahagian keuntungan pula, yang diterima ialah keterangan *mudārib*. Kadar keuntungan yang dianggap benar ialah 1/2 kerana tujuan keterangan ialah untuk mensabitkan disebalik apa yang nyata<sup>24</sup>

Dalam kes lain jika pemilik modal menyerahkan harta modal kepada dua orang lelaki untuk diperniagakan secara *mudārabah* dengan berbagai keuntungan pada kadar 1/2. Kemudian mereka memperoleh wang sebanyak RM 3,000. Kata pemilik modal kepada kedua-dua orang *mudārib* “saya beri kepada kamu berdua RM 2,000 sebagai modal” kata-katanya itu dipersetujui oleh salah seorang

<sup>23</sup>al-Kāsānī ( t.t ), *op.cit.*, j. 8, h. 3656.

<sup>24</sup>al-Sarkhasī ( t.t ), *op.cit.*, j 22, h. 91; al-Marghinānī ( t.t ), *op.cit.*, j. 3, h. 214.

dari pada *mudārib*. Manakala *mudārib* yang seorang lagi berkata kepada pemilik modal "Kamu beri kepada kami RM1,000 sahaja sebagai modal yang selebihnya modal sebanyak RM 2,000 adalah keuntungan". Dengan mengambil kira kata-kata *mudārib* mengenai jumlah modal, maka diberi kepada *mudārib* yang membenarkan kata-kata pemilik modal sebanyak RM 250 bahagiannya daripada keuntungan atas dasar bahawa jumlah modal sebenar ialah RM 1000. Diberikan kepada *mudārib* yang tidak membenarkan (tidak bersetuju) dengan kata-kata pemilik modal mengenai jumlah modal sebanyak RM 500 atas dasar bahawa modal sebenar ialah RM2,000. Bagi *mudārib* yang bersetuju dengan kata-kata pemilik modal mengenai modal yang diberi olehnya, maka dia mengambil 1/4 daripada RM 1,000 iaitu RM 250 sebagai keuntungannya. Manakala bagi *mudārib* yang tidak bersetuju dengan dakwaan pemilik modal mengenai jumlah modal, maka dia mengambil bahagiannya dalam keuntungan berdasarkan kata-katanya bahawa keuntungan sebenarnya ialah RM2,000 dan bahagian untuknya dalam keuntungan itu ialah RM 500.<sup>25</sup>

Menurut al-Syīrāzī, ahli *fīqh* mazhab Syafi'i bahawa untuk menyelesaikan perkara di atas ialah dengan cara menerima kata-kata *mudārib* yang tidak bersetuju dengan dakwaan pemilik modal tanpa perlu bersumpah.<sup>26</sup> Manakala Ibn Qudamah daripada mazhab Hanbali pula dalam hal yang sama berpendapat bahawa kata-kata *mudārib* diterima bersama sumpah.<sup>27</sup> Apabila dia telah bersumpah bahawa harta modal *mudārabah* yang diperniagakan olehnya

<sup>25</sup> Pengiraan di atas adalah berdasarkan pandangan Dr. 'Abd al-'Azim Syarf al-Dīn, sila lihat Syarf al-Dīn (1974), *op.cit.*, h. 132. Untuk keterangan lanjut mengenai pengiraan masaalah *mudārabah* tersebut dalam mazhab Hanafi, sila lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, h. 92.

<sup>26</sup> al-Syīrāzī ( 1994 ), *op.cit.*, j.1, h. 510.

<sup>27</sup> Lihat Ibn Qudāmah ( 1981 ), *op. cit.*, j. 5, h. 78.

ialah sebanyak RM 1,000 sahaja dan wang RM 2,000 lagi itu adalah keuntungan perniagaan, maka keuntungan untuknya ialah RM 500. Bakinya RM 2,500. RM 2,000 daripadanya diambil oleh pemilik modal. Manakala RM 500 lagi adalah keuntungan yang perlu dibahagi antara pemilik modal dan *mudārib* yang bersetuju dengan dakwaan pemilik modal bahawa jumlah modal sebenarnya ialah RM 2,000. Wang itu dibahagikan kepada tiga bahagian, dua bahagian untuk pemilik modal dan satu bahagian untuk *mudārib*. Ini bererti *mudārib* yang bersetuju dengan dakwaan pemilik modal mengenai jumlah modal hanya mendapat RM 166.66. Manakala yang selebihnya iaitu sebanyak RM 333.33 adalah untuk pemilik modal.<sup>28</sup>

#### 4. Pertikaian berkaitan dengan sifat modal

Apabila berlaku pertikaian antara *mudārib* dengan pemilik modal di mana pemilik modal mendakwa bahawa harta modal yang diserahkan kepada *mudārib* adalah untuk tujuan *ibdā'* Semua keuntungan adalah untuknya dan tiada keuntungan untuk *mudārib*. Manakala *mudārib* pula membantah dan mendakwa bahawa ianya adalah untuk tujuan *mudāribah* dengan pensyaratannya agihan keuntungan pada kadar 1/2. Dalam hal ini kata-kata pemilik modal diterima kerana *mudārib* akan memperolehi faedah dalam bentuk keuntungan dengan pensyaratannya yang didakwa telah dibuat oleh pemilik modal untuknya.<sup>29</sup> Keizinan dalam urusniaga diperolehi daripada pihak pemilik modal. Kerana itu, maka kata-katanya diterima dari segi sifat keizinan urusniaga. Perinsip ini boleh dilaksanakan dalam keadaan-keadaan berikut:<sup>30</sup>

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3659.

<sup>30</sup> Syar' al-Din (1974), *op.cit.*, h. 133.

- i. *Mudārib* mendakwa bahawa harta yang ada ditangannya adalah harta modal *mudārabah* dengan pensyaratan agihan keuntungan 1/2 bagi setiap pihak. Sebaliknya pemilik modal pula mendakwa bahawa harta modal itu adalah untuk diperniagakan secara *ibdā'* tanpa apa-apa ganjaran untuk *mudārib*. Dalam hal ini kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal kerana harta itu datang daripadanya. Dia menolak dakwaan bahawa ada perkongsian pada keuntungan antaranya dengan *mudārib*. Kata-kata yang diakui benar ialah kata-kata orang yang menolak dakwaan bersama sumpahnya.
- ii. Orang yang di dalam tangannya ada harta modal milik orang lain berkata kepada pemilik modal “kamu serahkan harta ini kepada saya dalam bentuk *qard*, keuntungannya adalah untuk saya dan kerugian adalah menjadi tanggungan saya.” Manakala pemilik modal mendakwa bahawa harta itu adalah harta *ibdā'*. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal kerana orang yang memegang hartanya mendakwa pemilik modal menyerahkan harta kepadanya atas asas *qard* (hutang) yang mensabitkan keuntungan untuknya, sedangkan dia menafikannya. Diterima kata-kata pihak yang menolak dakwaan serta sumpah. Bagi yang mendakwa dia boleh mensabitkan dakwaannya dengan keterangan.
- iii. Orang yang memegang harta orang lain berkata kepada pemilik harta “ kamu beri *qard* kepada saya”. Manakala pemilik harta pula berkata “ia adalah *mudārabah* dengan 1/3” maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal bersama sumpahnya kerana dia

didakwa memberikan harta itu kepada *mudārib* secara *qard* dan dia menolak dakwaan itu. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang menolak dakwaan dengan sumpahnya. Maka wajib kepada pemilik modal memberi 1/3 daripada keuntungan kepada *mudārib* mengikut sebagaimana yang ditentukan olehnya.

iv. Orang yang di dalam tangannya ada harta orang lain berkata kepada pemilik harta “engkau beri *qard* kepada saya” pemilik harta pula berkata “itu adalah harta *mudārabah* dan saya tidak menentukan apa-apa bahagian keuntungan untuk engkau” atau pemilik harta berkata “itu adalah *mudārabah* dan saya telah sebutkan keuntungan untuk kamu sebanyak RM 100”. Pemegang harta mendakwa bahawa pemilik modal memberi milik semua keuntungan kepadanya melalui kontrak *qard*. Dakwaan itu ditolak oleh pemilik modal. Maka kata-kata yang diterima kata-kata orang yang menolak dakwaan beserta sumpahnya. Pemilik modal hendaklah memberi upah *mithl* kepada pemegang harta kerana kontrak itu adalah merupakan *mudārabah* yang *fāsid*.

v. Orang yang memegang harta berkata kepada pemilik modal “ia adalah harta *mudārabah*” Pemilik harta pula berkata “saya serahkan kepada kamu secara *qard*” maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal bersama sumpahnya kerana *mudārib* mendakwa bahawa harta itu adalah harta modal *mudārabah* dan dia menafikannya. Keterangan pemilik modal diutamakan dalam mensabitkan *qard* dan ia menjadi sebab pemilikan untuk *mudārib*.

Penyelesaian dengan cara ini berlaku apabila *mudārib* telah melaksanakan kerja memperniagakan harta berkenaan. Sebaliknya jika kerja menguruskan perniagaan belum dimulakan dan harta itu hilang, *mudārib* berkata kepada pemilik harta "kamu serahkan harta itu kepada saya secara *mudārabah*". Manakala pemilik modal pula berkata "saya serahkan harta itu kepada kamu secara *qard*". Dalam hal ini kata-kata *mudārib* diterima. Ini kerana dia didakwa sebagai bertanggungjawab membayar ganti rugi, tetapi dia menolak dakwaan itu. Maka kata-katanya sebagai penolak dakwaan diterima beserta sumpah. Pemilik harta dikehendaki memberi keterangan. Dalam perkara yang berkaitan dengan *qard* di mana *mudārib* telah bekerja dengan harta milik orang lain dan menjadi sebab dia dikenakan ganti rugi. Maka kata-kata yang diterima ialah kata pemilik modal, kerana dalam kontrak *qard* sesungguhnya *mustaqrid* diwajibkan membayar ganti rugi. Dalam kes *mudārabah* pula sesungguhnya mereka sama-sama membenarkan bahawa dia menerima harta dengan izin pemiliknya. Ini tidak mewajibkan *ganti rugi*, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata *mudārib* bersama sumpahnya.

##### 5. Pertikaian dari segi umum dan khusus kontrak *mudārabah*

Dalam pertikaian antara pemilik modal dan *mudārib* berhubung dengan khusus atau umumnya sesuatu kontarak *mudārabah* yang telah mereka lakukan. Pada prinsipnya kata-kata yang diterima sebagai pemutus ialah kata-kata pihak yang mendakwa bahawa kontrak itu adalah umum.<sup>31</sup> Oleh itu apabila berlaku

<sup>31</sup> al-Kāṣānī ( t.t.) , op. cit.,j. 8, h. 3655.

pertikaian antara pemilik modal dan *muđārib* dari segi umum dan khususnya kontrak *muđārabah*, pemilik modal mendakwa kontrak *muđārabah* yang dilakukannya adalah dalam bentuk yang khusus kepada satu jenis perniagaan. Manakala *muđārib* pula mengatakan bahawa pemilik modal tidak menamakan jenis perniagaan tertentu kepadanya. Jika pertikaian itu berlaku sebelum urusniaga dijalankan, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal. Ini kerana keizinan dalam urusniaga diperolehi daripada pihaknya.<sup>32</sup>

Jika pertiakaian itu barlaku selepas urusniaga dibuat, maka kata-kata yang akan diterima ialah kata-kata orang yang mendakwa kontrak itu berlaku secara umum di antara mereka. Ini kerana asal dalam *muđārabah* adalah membawa makna umum dan pengkhususannya disempurnakan dengan diadakan syarat. Orang yang mendakwa bahawa kontrak itu berlaku secara umum adalah berpegang kepada yang asal, maka kata-kata yang diterima ialah kata-katanya dengan sumpah.<sup>33</sup>

Apabila kedua belah pihak bersetuju bahawa kontrak *muđārabah* itu berlaku antara mereka adalah dalam bentuk yang khusus, tetapi berlaku pertikaian antara mereka mengenai perkara yang khusus itu. Misalnya pemilik modal mendakwa kontrak *muđārabah* itu adalah untuk bermiaga pakaian, tetapi dibantah oleh *muđārib* di mana beliau mengatakan bahawa kontrak *muđārabah* untuk bermiaga makanan. Dalam perkara ini kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal kerana mereka sama-sa'ma bersetuju mengenai pengkhususan kontrak, dan juga kerana keizinan diperolehi dari pihak pemilik modal. Kerana itu

---

<sup>32</sup> *Ibid.* h. 3656.

<sup>33</sup> *Ibid.* h. 3659; Syarf al-Din ( 1974 ) , *op.cit.*, h. 135

kenyataan daripadanya diterima. Jika kedua-duanya memberi keterangan, maka kerangan *mudārib* diterima bagi mensabiskan kesahihan urusniaga yang dilakukan olehnya dan bagi menolak ganti rugi daripada terkena ke atas dirinya. Jika berlaku pertentangan antara dua sifat keziran dan keterangan itu diberi dalam waktu yang berlainan, pihak yang memberi keterangan yang kemudian adalah diutamakan kerana yang akhir di antara dua syarat membatalkan syarat yang pertama.<sup>34</sup>

#### 6. Pertikaian mengenai *mutlaq* dan *muqayyad*

Jika pemilik modal dan *mudārib* bertikai mengenai kontrak *mudārabah* yang telah mereka buat, di mana pemilik modal mendakwa bahawa dia munuruh *mudārib* bermiaga di negeri tertentu, manakala *mudārib* menafikannya dengan mengatakan bahawa pemilik modal tidak mengenakan apa-apa syarat kepadanya. Dalam hal ini kata-kata *mudārib* diterima sebagai keputusan, sekalipun apa yang dikatakan oleh pemilik modal adalah berfaedah kepadanya. Namun kata-kata *mudārib* adalah diterima, kecuali dalam kontrak itu didapati jelas berlawanan dengan apa yang dikatakan oleh *mudārib*. Kerana asal dalam *mudārabah* adalah umum, dengan dalil bahawa dia mempunyai kuasa urusniaga dengan termeterainya kontrak *mudārabah*.<sup>35</sup> Semua ini, jika pertikaian itu berlaku sesudah *mudārib* melakukan kerja-kerja urusniaga. Jika berlaku pertikaian itu sebelum *mudārib* menjalankan kerja-kerja mengurus perniagaan, maka kata-kata pemilik modal dipegang kerana urusan itu datang daripada pihaknya. Dia yang memiliki kuasa penentu dari segi *mutlaq* dan *muqayyadnya*.

<sup>34</sup> al-Sarkhasī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 93-94; al-Kāsānī (t.t.) , *op. cit.*, j.8, h. 3656; al-Marghinānī (t.t.) , *op.cit.*, j. 3, h. 215.

<sup>35</sup> al-'Aynī, *op.cit.*,h. 729.

Jika *mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal menyuruh memperniagakannya dengan cara tunai dan bertangguh, sedangkan pemilik modal pula medakwa dia menyuruhnya berniaga secara tunai sahaja, maka dalam hal ini yang dipakai ialah dakwaan *mudārib* bersama dengan sumpah kerana berpegang kepada apa yang menjadi kehendak *muflaq* kontrak. Pemilik modal wajib memberi keterangan kerana dakwaannya berlawanan dengan kenyataan.

Apabila berlaku perselisihan antara pemilik modal dan *mudārib* berhubung dengan jenis perniagaan dalam kontrak *mudārabah*. Pemilik modal mendakwa dia menyerahkan modalnya kepada *mudārib* supaya diperniagakan dalam satu jenis perniagaan tertentu. Manakala *mudārib* pula mendakwa dia diminta oleh pemilik modal memperniagakan modal itu dalam perniagaan jenis yang lain. Dari segi bentuk kontraknya mereka sama-sama bersetuju bahawa kontrak *mudārabah* yang telah mereka persetujui bukan jenis *mudārabah muflaqah*, tetapi *mudārabah* yang terikat dengan jenis perniagaan tertentu. Dalam menyelesaikan pertikaian ini, maka hakim hendaklah menerima kata-kata pemilik modal sebagai pihak yang benar. Tetapi jika *mudārib* ingin menyangkal keputusan itu dia dikehendaki memberi keterangan. Keterangan daripadanya mustahak untuk membolehkan dia menolak daripada dikenakan membayar ganti rugi. Sedangkan pemilik modal, dia tidak perlu memberi keterangan kerana dengan ketiadaan unsur *muflaq* bererti *mudārabah* itu menjadi satu perwakilan semata-mata, di mana wakil terikat dengan kehendak orang yang mewakilkannya<sup>36</sup>.

---

<sup>36</sup> *Ibid.*

## 7. Pertikaian mengenai sah atau *fasad mudārabah*

Dalam hal pertikaian mengenai sah atau *fasadnya mudārabah*, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata yang mendakwa sah sama ada yang mendakwa itu *mudārib* atau pemilik modal kerana kata-kata yang diambil kira dalam akad ialah yang mendakwa bahawa akad itu sah. Kerana pada asalnya akad adalah sah.<sup>37</sup> Tetapi apabila pemilik modal berkata kepada *mudārib* “saya mengenakan syarat kepada kamu dengan 1/3 keuntungan dengan dikecualikan RM10”. *Mudārib* pula berkata “engkau mengenakan syarat kepada saya dengan 1/3 daripada keuntungan”. Dalam hal ini kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal sekalipun membawa kerosakan kepada *mudārabah* kerana dia membantah terhadap tambahan yang didakwa oleh *mudārib*. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang membuat bantahan dengan sumpahnya.<sup>38</sup>

Penyelesaian cara di atas juga boleh dilakukan dalam kes di mana *mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal semasa berakad *mudārabah* dengannya menetapkan bahagian keuntungan untuknya sebanyak RM 100. Manakala pemilik modal pula berkata bahawa dia mensyaratkan keuntungan untuk *mudārib* pada kadar 1/3 daripada keuntungan perniagaan *mudārabah*. Perniagaan yang dilakukan dalam kontrak itu tidak mendapat sebarang keuntungan. *Mudārib* ingin mendapat upah dengan terbatalkan (rosak) kontrak *mudārabah*. Manakala pemilik modal pula bertujuan untuk tidak membayar sesuatu kepada *mudārib* kerana dia tidak memperoleh keuntungan. Untuk memutuskan kes ini diterima kata-kata pemilik modal dengan sumpahnya.

<sup>37</sup> al-Sarkhasī (t.t.), *op.cit.*j. 22, h. 90.

<sup>38</sup> Lihat Syarīf al-Dīn (1974), *op. cit.*, h. 137.

## 7. Pertikaian mengenai sah atau *fasad mudārabah*

Dalam hal pertikaian mengenai sah atau *fasadnya mudārabah*, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata yang mendakwa sah sama ada yang mendakwa itu *mudārib* atau pemilik modal kerana kata-kata yang diambil kira dalam akad ialah yang mendakwa bahawa akad itu sah. Kerana pada asalnya akad adalah sah.<sup>37</sup> Tetapi apabila pemilik modal berkata kepada *mudārib* “saya mengenakan syarat kepada kamu dengan 1/3 keuntungan dengan dikecualikan RM10”. *Mudārib* pula berkata “engkau mengenakan syarat kepada saya dengan 1/3 daripada keuntungan”. Dalam hal ini kata-kata yang diterima ialah kata-kata pemilik modal sekalipun membawa kerosakan kepada *mudārabah* kerana dia membantah terhadap tambahan yang didakwa oleh *mudārib*. Kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang membuat bantahan dengan sumpahnya.<sup>38</sup>

Penyelesaian cara di atas juga boleh dilakukan dalam kes di mana *mudārib* mendakwa bahawa pemilik modal semasa berakad *mudārabah* dengannya menetapkan bahagian keuntungan untuknya sebanyak RM 100. Manakala pemilik modal pula berkata bahawa dia mensyaratkan keuntungan untuk *mudārib* pada kadar 1/3 daripada keuntungan perniagaan *mudārabah*. Perniagaan yang dilakukan dalam kontrak itu tidak mendapat sebarang keuntungan. *Mudārib* ingin mendapat upah dengan terbatalkan (rosak) kontrak *mudārabah*. Manakala pemilik modal pula bertujuan untuk tidak membayar sesuatu kepada *mudārib* kerana dia tidak memperoleh keuntungan. Untuk memutuskan kes ini diterima kata-kata pemilik modal dengan sumpahnya.

<sup>37</sup> al-Sarkhasī (t.t.), *op.cit.*j. 22, h. 90.

<sup>38</sup> Lihat Syarif al-Din (1974), *op. cit.*, h. 137.

Manakal *muḍārib* dikelihendaki memberi keterangan. Cara ini dibuat kerana *muḍārib* mendakwa pihak pemilik modal berhutang kepadanya dalam bentuk upah yang belum dibayar. Pemilik modal pula menolak dakwaan itu, maka kata-kata yang diterima ialah kata-kata orang yang menolak dakwaan dengan sumpahnya. Jika kedua-dua belah pihak memberi keterangan, maka diutamakan keterangan *mudārib* kerana keterangan itu untuk mensabitkan hutang dalam tanggungan pemilik modal.<sup>39</sup>

Kesimpulannya, daripada apa yang telah diperkatakan di atas ternyata bahawa kata-kata pemilik modal diterima bersama sumpahnya dalam pertikaian mengenai kadar keuntungan kerana dia lebih tahu tentang syarat yang dikemukakan daripada pihaknya. Kata-katanya juga diterima dalam pertikaian mengenai sifat di mana orang yang memegang harta (*muḍārib*) mendakwa bahawa harta itu adalah harta *mudārabah*, sedangkan pemilik modal menafikannya dan sebaliknya mendakwa bahawa harta itu adalah harta *ibdā'* di tangan *mudārib*. Selain daripada itu kata-kata pemilik modal juga diterima dalam pertikaian mengenai umum dan khusus *mudārabah* sebelum perniagaan dijalankan. Demikian juga dalam pertikaian mereka mengenai umum dan khusus *mudārabah* sesudah urusniaga dibuat dan pemilik modal berpegang dengan yang umum dan dalam pertikaian mereka mengenai jenis perniagaan *mudārabah*.

Kata-kata *mudārib* pula boleh diterima dengan sumpahnya dalam pertikaian yang berlaku mengenai jumlah modal *mudārabah* dan dalam pertikaian mengenai jenis kontrak di mana pemilik modal mendakwa bahawa harta modal yang ada di tangan *mudārib* adalah harta *qard* dan *mudārib* menafikannya dengan

<sup>39</sup> al-Sarkhasī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 90-91.

mendakwa bahawa harta itu adalah harta modal *mudārabah* tetapi harta itu rosak sebelum dia memperniagakannya. Kenyataan secara bersumpah *mudārib* juga diterima apabila pertikaian antaranya dan pemilik modal berlaku dari segi umum dan khusus atau *mutlaq* dan *muqayyadha* *mudārabah* di mana *mudārib* mendakwa bahawa *mudārabah* itu adalah umum atau *mutlaq*.

#### B. Pembubaran *Mudārabah*

Keseluruhan *fuqahā*<sup>40</sup> mazhab *Sunnī* sepakat bahawa kontrak *mudārabah* adalah suatu kontrak yang tidak *lāzim* iaitu tidak mengikat pihak-pihak yang tarlibat dalam kontrak tersebut. Mereka boleh keluar daripada ikatan kontrak itu pada bila-bila masa.<sup>41</sup> Ertinya mana-mana pihak, sama ada *mudārib* atau pemilik modal boleh menamatkan kontrak ini pada bila-bila masa dengan cara pemilik modal memecat *mudārib* atau *mudārib* menarik diri dari ikatan kontrak *mudārabah*. Kontrak *mudārabah* ini juga ditamatkan atau dibubarkan secara *ijbārī* iaitu secara terpaksa dengan kematian salah satu pihak yang berkontrak atau gila; tertahan daripada mengurus harta (*al-hajr*);<sup>42</sup> berakhirnya masa dalam *mudārabah* bertempoh; rosak harta modal *mudārabah*, sebelum diperniagakan dan murtad pemilik modal.

<sup>40</sup> Lihat al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 128; al-Syirāzī (1994) , *op. cit.*, j.1. h.509; Ibn Qudāmah (1981) , *op. cit.*, j. 5, h. 64; al-Marghinānī (t.t.) , *op. cit.*, j.3, h. 208-209.

<sup>41</sup> *Hajr* ialah menegah seseorang yang tertentu daripada mentadbir hartanya. Orang yang ditegah itu disebut “*mahjūr*”. *Hajr* terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *hajr* ke atas seseorang untuk menjaga *maslahah* dirinya sendiri seperti *hajr* yang dikenakan ke atas kanak-kanak dan orang gila. Kedua, *hajr* yang dikenakan ke atas seseorang untuk menjaga *maslahah* orang lain seperti *hajr* yang dikenakan ke atas orang yang bankrap untuk menjaga *maslahah* – pemberi hutang ; *hajr* yang dikenakan ke atas penggadai daripada menguruskhan harta yang digadai untuk menjaga *maslahah* pemberi hutang dan *hajr* yang dikenakan ke atas orang sakit untuk menjaga *maslahah* pemberi hutang dan juga ahli-ahli warisnya. Lihat Ibn Qudāmah (1981) , *op.cit.*, j. 4, h. 508; al-Khīrsī (t.t.) , *op.cit.*, j.5, h. 305; al-Khaṭīb ( t.t.) , *op. cit.*, j. 2, h. 165.

1. *Mudārabah* dibubarkan dengan kchendak salah satu pihak yang berkontrak.

*Mudārabah* adalah suatu kontrak yang bolch dibubarkan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam kontrak berkenaan, sama ada pemilik modal atau *mudārib*, pada bila-bila masa sebelum kerja pengurusan perniagaan *mudārabah* bermula. Cuma selepas kerja dimulakan, *fuqahā*<sup>42</sup> berbeza pendapat. *Fuqahā*<sup>42</sup> Maliki beranggapan bahawa kontrak *mudārabah* menjadi suatu kontrak yang mengikat selepas perniagaan dimulakan. Pihak pemilik modal atau *mudārib* tidak lagi bolch membubarkannya sehingga perniagaan itu ditamatkan dengan menjadikan semua barang modal kembali kepada bentuk asalnya iaitu wang.

Dalam mazhab Maliki *mudārabah* adalah dianggap sama seperti *ji‘ālah*. *Mudārib* tidak berhak mendapat ganjaran kecuali setelah menyelesaikan kerjanya. Oleh itu *mudārib* juga tidak terikat untuk membuat penerimaan (*qabād*). Kedua belah pihak boleh *khiyār* (membuat pilihan) sebelum kerja-kerja *mudārabah* dijalankan. Apabila kerja *mudārabah* telah dimulakan di mana harta modal telah mula diurusniagakan, maka ketika itu tiada lagi *khiyār*. Pemilik modal tidak boleh mengambil kembali hartanya dan *mudārib* juga tidak bolch menarik diri dengan menyerahkan kembali harta modal kepada pemiliknya kecuali setelah semua harta itu selesai ditukarkan kembali kepada bentuk asalnya iaitu wang<sup>42</sup>.

Dalam mazhab Syafi‘i juga *mudārabah* adalah suatu kontrak yang harus, tidak mengikat terhadap kedua-dua belah pihak kerana pada peringkat awalnya ia adalah menyerupai *wakālah* dan sesudah mendapat untung ia menjadi *syarikah*. Kedua-duanya iaitu *wakālah* dan *syarikah* adalah kontrak

<sup>42</sup> Imam Muhammad ibn Ahmad Miyāzah al-Fāsi (t.t.), *Syarh Miyāzah al-Fāsi ‘ala Tuhfah al-Hukkām*, j. 2, Dār al-Fikr, h. 120.

harus yang tidak mengikat. Mana-mana pihak yang terlibat dalam kontrak itu boleh membubarkannya.<sup>43</sup> Pemilik modal boleh mengambil kembali hartanya sama ada sebelum atau sesudah kerja dilakukan. Jika pemilik modal hanya mengambil kembali sebahagian sahaja daripada harta *muḍārabah* dan selebihnya dikenakan di tangan *muḍārib*, maka *muḍārabah* terbatal setakat harta yang diambil kembali olehnya sahaja. Yang selebihnya dianggap *muḍārabah* yang sah dengan syarat diketahui jumlah harta yang dikenakan di tangan *muḍārib*. Hal ini perlu untuk mengelakkan kejadian yang boleh membawa kepada pertikaian.<sup>44</sup>

Demikian juga dengan *muḍārib*, dia boleh menarik diri daripada kontrak *muḍārabah* pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Pembubaran ini boleh dibuat sama ada perniagaan *muḍārabah* itu memperoleh keuntungan atau tidak. Apabila berlaku pemecatan *muḍārib* oleh pemilik modal atau *muḍārib* sendiri menarik diri, maka kontrak *muḍārabah* itu menjadi batal walaupun tanpa dihadiri oleh pihak kedua. Pembubaran yang dibuat oleh salah seorang daripada mereka seolah-olah dilakukan oleh kedua-dua pihak.<sup>45</sup>

Pemecatan *muḍārib* oleh pemilik modal yang mengakhiri kontrak *muḍārabah* hanya dikira sempurna dan berkuatkuasa setelah diketahui oleh *muḍārib*.<sup>46</sup> Jika pemilik modal memecat *muḍārib* ketika *muḍārib* berada bersamanya, maka pemecatan dan pembubaran kontrak dikira berlaku serta merta. Pemecatan juga boleh berlaku sekalipun *muḍārib* tiada bersama pemilik

<sup>43</sup> Taqī al-Dīn Abī Bakar ibn Muḥammad al-Ḥusaynī (1994), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥilfī Ghāyah al-Ikhtisār*; j. 1, Beirut: Dār al-Khayr, h. 290; al-Khatīb (t.t.), *op.cit.*, j.2, h. 319.

<sup>44</sup> al-Khaṭīf (t.t.), *op.cit.*, h. 109-115.

<sup>45</sup> al-Khatīb (t.t.) , *op.cit.*j.2, h 319.

<sup>46</sup> al-Kāṣanī ( t.t.) , *op.cit.* j.8, h. 3662.

modal dengan cara pemilik modal menulis surat kepadanya memaklumkan tentang pemecatan itu. Setelah surat itu sampai dan dimaklumi oleh *mudārib* tentang pemecatannya, maka kontrak *mudārabah* dikira sebagai terbubar. Ini kerana tulisan daripada orang yang berada di tempat lain sama kesannya dengan pertuturan secara berhadapan. Sama juga jika pemilik modal menghantar utusan (wakil) untuk memaklumkan tentang pemecatan itu. Urusniaga sebelum *mudārib* tahu tentang pemecatannya, selepas pemecatan dibuat dianggap sama seperti sebelum pemecatan.<sup>47</sup> *Mudārabah* juga terbubar dengan penarikan diri *mudārib* kerana *mudārabah* adalah suatu kontrak yang tidak *lazim* (mengikat) kedua belah pihak, mereka saling berhak membubarkannya.

Setelah *mudārabah* dibubarkan, perlu dilihat kepada harta *mudārabah* berkenaan sama ada ia dalam bentuk wang tunai atau masih dalam bentuk barang. Jika ia berbentuk tunai perlu juga dilihat sama ada wang tunai itu daripada jenis wang yang digunakan sebagai modal atau sebaliknya. Jika ia daripada jenis harta modal misalnya modal asal dalam ringgit Malaysia dan harta *mudārabah* yang ada pada ketika itu juga adalah berupa ringgit Malaysia, maka dalam keadaan demikian *mudārib* dilarang daripada terus mengurusniagakan wang itu dengan membuat pembelian atau jualan sama ada yang membuat pembubaran itu *mudārib* atau pemilik modal. Kemudian pastikan jika ada keuntungan hendaklah dibahagikan antara pemilik modal dan *mudārib* mengikut syarat-syarat yang telah mereka persetujui. Jika tiada keuntungan atau mengalami kerugian, semua harta itu diambil oleh pemilik modal dan tiada apa-apa bahagian untuk *mudārib*. Jika harta *mudārabah* itu bukan daripada jenis harta -

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

modal asal, bukan ringgit Malaysia misalnya, ia adalah dianggap sama seperti barang, ia perlu ditukarkan kepada ringgit Malaysia.<sup>48</sup>

Dalam mazhab Hanbali dan Hanafi juga *muḍārabah* dianggap sebagai kontrak harus yang tidak mengikat, bolch dibubarkan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam kontrak berkenaan pada bila-bila masa. Kontrak ini juga terbubar dengan berlakunya kematian, gila atau tertahan daripada hak mengurus harta kerana hilang keupayan disebabkan oleh sifat kurang waras (*safīḥ*) yang ada padanya. Ini kerana *muḍārib* adalah bekerja menguruskan perniagaan harta *muḍārabah* kepunyaan orang lain dengan keizinan pemiliknya, ia sama seperti wakil.<sup>49</sup>

Ternyata daripada fakta di atas bahawa pendapat yang lebih sesuai dan *bermaslahah* adalah pendapat yang dikemukakan oleh mazhab Maliki yang mengatakan bahawa kontrak *muḍārabah* adalah mengikat setelah kerja-kerja dimulakan. Ini kerana pendapat demikian boleh mengelakkan bahaya daripada menimpa *muḍārib* dengan pembubaran *muḍārabah* yang dibuat secara mengejut, kerana perkara itu boleh menghilangkan ~~petung~~ *muḍārib* untuk memperolehi ganjaran terhadap usaha-usahanya dalam masa sekelip mata sahaja. Manakala majoriti *fuqahā'* mazhab *Sunnī* daripada mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mengambil sikap mera'ikan hak pemilik modal sebagai pemilik tetap hartanya selama-lamanya. Dengan demikian, maka dia dikira tetap berhak membatalkan kontrak *muḍārabah* pada bila-bila masa. Dengan tidak mengambil kira sama ada kerja-kerja menguruskan perniagaan *muḍārabah* telah dimulakan atau belum.

<sup>48</sup> Lihat Hawwās (t.t.), *op.cit.*, h.180.

<sup>49</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h.129; al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j.8, h.3655.

Namun demikian sepatutnya mereka juga mera'ikan hak *muḍārib* atas sumbangan tenaga dan penat lelahnya menguruskan perniagaan *muḍārabah* berkenaan. Pemilik modal tidak harus menggunakan haknya sehingga memudarangkan pihak lain.<sup>50</sup>

3

### 1.1. Penyelesaian harta modal yang berbentuk barang

Mengenai cara menyelesaikan kerja yang berkaitan dengan harta modal yang berbentuk barang ketika pembubaran *muḍārabah* berlaku. Dalam mazhab Syafi'i urusan ini boleh diselesaikan dengan cara:<sup>51</sup>

- i. Mereka bersepakat menjualnya. Dalam kes ini *muḍārib* dikehendaki melakukan penjualan kerana itu adalah kerja *muḍārib* dalam kontrak *muḍārabah*. Apabila harta itu telah bertukar menjadi wang, maka harga barang itu diambil oleh pemilik modal dan keuntungan dibahagi antara mereka mengikut syarat yang telah dipersetujui.
- ii. Mereka sepakat tidak mahu menjualnya. Dalam hal ini boleh berlaku dua keadaan. Pertama, jika dijual harganya tidak melebihi harga kos, hak *muḍārib* menjadi gugur dan jadilah kesemua harta itu milik pemodal. Kedua, jika dijual harga barang itu lebih daripada harga modal. Ini bererti ada keuntungan. Dalam hal ini perlu dilihat kepada tujuan *muḍārib* mengambil sikap tidak mahu menjualnya. Jika dia mengambil sikap demikian untuk memggugurkan haknya dalam harta itu, maka kesemua harta itu menjadi milik pemodal, tiada apa-apa bahagian untuk *muḍārib*. Jika tujuan *muḍārib* mengambil sikap tidak menjualnya itu kerana ingin melambatkan penjualan bagi mendapatkan harga

<sup>50</sup> Muhammad Ṣalāḥ Muhammād al-Ṣāwī (1987) , *Musykilah al-Istithmār fi al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kayfa 'Alajahā al-Islām*, Jeddah: Dār al-Mujtama', h. 128.

<sup>51</sup> al-Mawardi ( 1956 ) , *op.cit.*, j.9, h.129.

yang lebih baik, maka dia ada hak dalam lebihan harga itu. Dia boleh menjualnya pada bila-bila masa ia ingin berbuat demikian.

- iii. *Mudārib* ingin menjualnya tetapi dihalang oleh pemilik modal. Dalam hal ini juga berlaku dua keadaan. Pertama, jika tidak dapat diharapkan akan adanya pertambahan dalam harga barang daripada harga kos, maka *mudārib* tidak perlu menjualnya dan pemilik modal boleh mlarangnya daripada menjualnya kerana penjualannya tidak memberi apa-apa faedah kepadanya. Kedua, ada harapan harganya bertambah daripada harga kos. Ini bererti kemungkinan ada keuntungan jika dijual, maka dalam hal ini *mudārib* boleh menjualnya untuk mendapatkan haknya iaitu keuntungan, pemilik modal tidak boleh mlarangnya daripada berbuat demikian.
- iv. Pemilik modal ingin menjualnya tetapi dihalang oleh *mudārib* dan dia menghalangnya bukan kerana kesediaannya untuk melepaskan haknya dalam harta tersebut. Dalam hal ini ia boleh dipaksa menjualnya. Jika larangan penjualan oleh *mudārib* itu diiringi dengan tujuan untuk melepaskan haknya dalam harta itu, maka dalam hal ini ~~untuk~~ memaksanya menjual barang itu terbahagi kepada dua pendapat. Pertama, dia tidak boleh dipaksa menjualnya kerana menjual dan membeli hanya lazim dilakukan dalam keadaan ada hak kedua-dua belah pihak( sebagai pemilik modal dan *mudārib*) dalam harta itu. Pembatalan *mudārabah* menggugurkan harta itu daripada menjadi hak menjual dan membeli kepada kedua-dua belah pihak. Kedua, *mudārib* boleh dipaksa menjual kerana memulangkan modal kepada pemiliknya adalah menjadi tanggungjawabnya. Harta yang berbentuk barang bukanlah modal sebenar, ia hanyalah gantiannya sahaja.

al-Kāṣāñi daripada mazhab Hanafi juga berpendirian yang sama dengan *fuqahā'* Syafī'i di mana *mudārib* dikhendaki menjual barang *mudārabah* sama ada untung atau tidak. Pemilik modal tidak boleh melarangnya daripada berbuat demikian. *Mudārib* boleh dipaksa menjualnya jika didesak oleh pemilik modal. Pada pendapat mereka pembubaran *mudārabah* hanya berkuatkuasa ke atas larangan membeli dan membawa barang perniagaan itu bermusafir. Manakala penukaran barang kepada wang tidak tersekat oleh pembubaran itu. *Mudārib* tetap berhak menjual barang itu bagi menuarkannya kepada wang.<sup>52</sup>

Manakala al-Dusūqī seorang ahli *fiqh* mazhab Maliki, mengenai pertikaian antara dua pihak dalam *mudārabah* berhubung dengan penukaran barang kepada bentuk wang, mengambil sikap menyerahkannya kepada hakim untuk memutuskan mana yang lebih baik sama ada menyegerakannya atau menangguhkannya. Jika pihak yang bertikai bersepakat untuk menuarkannya kepada wang adalah harus, sama seperti mereka bersepakat membahagikan harta itu dalam bentuk barang. Jika tiada Hakim *Syarī'*, urusan itu diserahkan kepada jama'ah orang Islam.<sup>53</sup> Dalam mazhab Hanbali pula, dalam perkara yang sama, jika *mudārib* menuntut untuk menjual dan dihalang oleh pemilik modal. Jika ternyata penjualannya boleh mendapat keuntungan, maka pemilik modal boleh dipaksa membenarkan penjualannya. Jika penjualannya ternyata tidak boleh menghasilkan keuntungan, pemilik modal tidak boleh dipaksa berbuat demikian. Ini kerana tiada apa-apa bahagian *mudārib* dalam harta itu dan pemiliknya bersetuju menerima harta itu dalam bentuknya sedemikian.<sup>54</sup>

<sup>52</sup> al-Kāṣāñi (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3655; al-'Aynī (1981), *op.cit.*, j. 7, h. 76.

<sup>53</sup> al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j.3, 535.

<sup>54</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h. 64.

## 2. Pembubaran *mudārabah* secara *ijbārī*

Pembubaran kontrak *mudārabah* bolch berlaku secara *ijbārī* (terpaksa) disebabkan oleh kematian mana-mana pihak yang berkontrak, atau dikenakan sekatan pengurusan (*al-hujr*). Kematian pemilik modal mengakhiri kontrak *mudārabah* kerana atas keizinan daripadanya membolehkan *mudārib* mengurusniagakan hartanya. Dengan kematianya berakhirlah keizinan itu. Demikian juga dengan kematian *mudārib* kerana keizinan yang diperolehi adalah untuknya dan tidak dapat dianggap berkekalan selepas kematianya. *Fuqahā' Sunnī* sepakat bahawa *mudārabah* terbubar dengan sendirinya apabila berlaku salah satu daripada perkara tersebut, iaitu apabila ia berlaku sebelum perniagaan dimulakan. Demikian juga jika semua perkara tersebut berlaku selepas kerja-perniagaan dimulakan, majoriti *fuqahā' Sunnī* selain daripada *fuqahā' Maliki* tetap menganggap kontrak *mudārabah* tersebut menjadi batal dan bubar. Mazhab Hanbali menganggapnya terbubar kerana *mudārib* mengurusniagakan harta pemilik modal dengan keizinan sama seperti wakil. Kontrak itu berakhir dengan kematian, gila atau dikenakan sekatan daripada mengurus hartanya.<sup>55</sup> *Fuqahā' mazhab Syafi'i* juga berpendapat demikian di mana mereka menganggap bahawa apabila pemilik modal mati, maka *mudārabah* menjadi batal kerana dia telah membuat perwakilan. Dengan kematian orang yang melantik wakil atau orang yang dilantik menjadi wakil adalah membatalkan perwakilan dan tiada perwarisan dalam kontrak perwakilan.<sup>56</sup>

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 179; al-Khaṭīb (t.t.), *op. cit.*, j.2, h. 319.

<sup>56</sup> Syams al-Dīn Ahmad ibn Qūdar (1977), *Natājī al-Afkār fī Kasyf al-Rumūz wa al-Asrār*, j.8, Dār al-Fikr, h. 466.

al-Imām Mālik berpendapat bahawa *mudārabah* tetap berterusan dengan kematian *mudārib* di mana ahli waris atau walinya boleh menyambung dan menyempurnakan kerja-kerja pewaris mereka mengikut syarat-syarat yang dipersetujui antara pewaris mereka dengan pemilik modal.<sup>57</sup> *Mudārabah*, yang mana kerja-kerja pengurusannya telah dimulakan tidak terbubar dengan kematian salah seorang yang berkontrak. Sebaliknya ahli waris mengambil tempat si mati. Ahli-ahli waris *mudārib* yang bersifat amanah atau yang mengemukakan orang yang amanah untuk mewakili mereka, boleh menyempurnakan kerja-kerja *mudārabah* sama ada dengan persetujuan pemilik modal atau tidak. Berkekalan kuasa pengurusan itu di tangan mereka sehingga harta *mudārabah* ditukar menjadi wang iaitu sehingga harta modal itu sclesai dijual. Manakala ahli-ahli waris pemilik modal, mereka mengambil tempat pewaris mereka. Jika mereka ingin meneruskan kontrak *mudārabah* itu, mereka boleh berbuat demikian. Tetapi jika mereka ingin mengambil kembali harta mereka, mereka terpaksa bersabar sehingga semua harta ditukar menjadi wang dengan menyelesaikan penjualannya.<sup>58</sup>

Manakala majoriti *fūqahā'* *Sunnī* yang lain iaitu daripada mazhab Hanafī, Syafi'i dan Hanbali pula, mereka tidak membezakan sama ada kerja *mudārabah* telah dimulakan atau belum, *mudārabah* tetap dikira terbatal dengan kematian, gila atau kerana dikenakan sekatan mengurus harta (*al-hajr*) ke atas mana-mana pihak yang berkontrak. Kontrak *mudārabah* itu wajib ditamatkan segera.<sup>59</sup> Jika harta modal masih dalam bentuk wang dan tiada keuntungan

<sup>57</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 130. al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j.3, h. 356;

<sup>58</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*.

<sup>59</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 66; al-Syirāzī (1994), *op.cit.* j. 1, h. 509; al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j.8, h. 3662; Ibn 'Abidin (1966), *op.cit.*, j.5, h. 645.

diperolchi, maka harta modal itu hendaklah dikembalikan kepada pemiliknya atau kepada *wāṣḥ*nya. Sebaliknya jika terdapat keuntungan, hendaklah dibahagikan antara mereka mengikut syarat yang telah dipersetujui. Jika harta modal itu berbentuk barang wajib ditukarkan kepada wang atau dibahagikan mengikut persetujuan antara mereka,<sup>60</sup> cuma ahli-ahli waris *mudārib* tidak bebas menukar harta itu kepada wang tanpa keizinan pemilik modal, kerana mungkin dia tidak bersetuju dengan pengurusan mereka. Jika pemilik modal tidak dapat memberi keizinan, hendaklah dilantik seorang yang boleh dipercayai untuk mengendalikannya. Jika ahli-ahli waris *mudārib* ingin meneruskan *mudārabah* selepas itu. Mereka boleh berbuat demikian. Tetapi ia dikira sebagai *mudārabah* yang baru, bukan lanjutan daripada *mudārabah* yang lepas. Ini hanya boleh dibuat setelah semua harta ditukarkan kepada wang, kerana *bermudārabah* dengan menggunakan barang sebagai modalnya dianggap tidak sah.<sup>61</sup>

## 2.1. Pemilik modal meninggal dunia

Apabila pemilik modal meninggal dunia dan pada ketika itu harta modal *mudārabah* berada dalam bentuk yang asal iaitu wang tunai, maka hak urusniaga *mudārabah* menjadi batal dan tiada hak *mudārib* mengurusniagakan harta modal selepas itu.<sup>62</sup> Ahli warisnya boleh meminta harta modal itu dipulangkan dan juga meminta *mudārib* membahagikan untung jika ada. Jika mereka memberi kebenaran kepada *mudārib* meneruskan kerja-kerja *mudārabah* bapa mereka, maka ia dianggap sebagai kontrak yang baru. Jika mereka berbuat demikian, mereka akan berhadapan dengan salah satu daripada dua keadaan iaitu sama ada

<sup>60</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*; al-Khatīb (t.t.), *op.cit.*, j.2, h. 319-320.

<sup>61</sup> al-Khatīb, *Ibid.*

<sup>62</sup> al-Marghinānī (t.t.), *op.cit.*, j.3, h.208; al-Māwardī (1956), *op.cit.*, j.9, h. 130.

mereka tahu jumlah sebenar harta *mudārabah* itu atau tidak. Jika mereka tahu jumlah modal *mudārabah* itu, maka kontrak itu dikira sah dengan syarat ahli-ahli waris itu adalah orang-orang yang cerdik dan urusan itu bukan dikendalikan oleh wali mereka serta harta *mudārabah* itu tidak tertakluk dengan hutang atau wasiat.<sup>63</sup>

\*

Jika ahli-ahli waris pemilik modal tidak tahu jumlah sebenar harta modal *mudārabah* itu di waktu mereka memberi keizinan kepada *mudārib* meneruskan kerja-kerja *mudārabah*, dalam hal ini terdapat dua pandangan. Pandangan pertama mengatakan bahawa *mudārabah* itu batal kerana kontrak dibuat dengan jumlah modal yang tidak diketahui. Pandangan kedua pula mengatakan bahawa kontarak *mudārabah* itu sah kerana ia telah dimulai dengan kontrak yang sah.<sup>64</sup> Jika harta *mudārabah*, ketika matinya pemilik modal masih dalam bentuk barang, maka *mudārib* boleh menjualnya tanpa perlu meminta izin daripada ahli waris pemilik modal. Tetapi *mudārib* tidak boleh membuat pembelian dengan harga barang yang dijual itu tanpa keizinan ahli waris pemilik modal. Ini kerana menjual adalah hak yang diperolehi daripada kontrak yang lalu dan pembelian bukan daripada hak kontrak berkenaan. Oleh itu ia tidak boleh dilakukan kecuali dengan kontrak yang dibaharui.<sup>65</sup>

Jika harta modal yang ada pada ketika itu berbentuk barang perniagaan, maka hak untuk *mudārib* membawa barang itu bermusafir menjadi batal. Namun demikian hak untuk terus mengurusniagakan harta modal itu masih kekal. *Mudārib* dikhendaki menjual barang itu di negeri yang sama untuk

---

<sup>63</sup> al-Māwardī, *Ibid.*

<sup>64</sup> Hawwas (t.t.) *op. cit.*, h. 181.

<sup>65</sup> *Ibid.*

mendapatkan harganya sama ada dalam bentuk wang atau barang. Jika harga barang itu dalam bentuk barang juga, barang itu hendaklah dijual lagi sehingga menjadi wang tunai sebagai mana asalnya. *Mudārib* tidak bolch memindahkan barang itu ke negeri lain atau membawanya bermusafir.<sup>66</sup>

3

Tidak ada perbezaan pendapat dikalangan *fuqahā'* *Sunnī* tentang kematian sebagai satu sebab yang menamatkan kontrak *mudārabah*. Jika yang mati itu pemilik modal, maka terpecahlah *mudārib* dan ketika itu *mudārib* tidak lagi berhak mengurusniagakan harta modal berkenaan, jika harta modal itu berbentuk wang tunai. Harta itu akan diambil kembali oleh ahli waris pemilik modal serta bahagiannya dalam keuntungan. Jika harta modal itu dalam bentuk barang perniagaan, *fuqahā'* Syafi'i antaranya al-Māwardī mengharuskan bagi *mudārib* menjual semua barang tersebut sehingga semuanya dapat ditukarkan kepada wang tanpa perlu kepada keizinan ahli waris pemilik modal. Urusniaga ini hanya terbatas kepada urusan menukar barang kepada bentuk wang. Setelah wang diperolehi ia tidak boleh digunakan untuk membeli tanpa izin daripada ahli waris si mati. Ini kerana jualan adalah hak *akad* yang lalu dan pembelian bukan sebahagian daripadanya, maka ia tidak boleh dilakukan melainkan dengan membentuk *akad* yang baru.<sup>67</sup> Pendapat ini adalah sciring dengan pegangan mazhab Hanafi.<sup>68</sup> Berbeza dengan Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanbali yang tidak mengharuskan *mudārib* menjual dan membeli melainkan dengan izin ahli waris si mati.<sup>69</sup>

<sup>66</sup> Syarf al-Dīn (1974), *op.cit.*, h.138-1339.

<sup>67</sup> al-Māwardī (1956), *op.cit.*, j.9, h. 131.

<sup>68</sup> al-Saykh Nizām (t.t.), *op.cit.*, j.4, h. 329.

<sup>69</sup> Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 66.

al-Imām Mālik pula berpendapat kontrak *mudārabah* menjadi batal dan *mudārib* menjadi terpecat dengan kematian pemilik modal, jika harta modal ketika itu berbentuk wang tunai dan dia tidak lagi berhak mengurusniagakannya. Jika harta itu berbentuk barang perniagaan atau harta *mudārabah* sedang dibawa dalam perjalanan yang jauh, maka kematian pemilik modal itu tidak menyebabkan pembatalan kontrak *mudārabah*, kerana *mudārib* mempunyai hak di dalamnya, dia kekal dengan kerjanya dan terikat dengan syarat-syarat *mudārabah* sehingga semua harta dapat ditukarkan kepada wang.<sup>70</sup>

Berhubung dengan persoalan sama ada ahli-ahli waris atau wali pemilik modal boleh meminta kepada *mudārib* supaya meneruskan kerja-kerja menguruskan perniagaan *mudārabah*. Mengenai perkara ini al-Māwardī dan Ibn Qudāmah daripada mazhab Syafī'i dan Hanbali berpendapat bahawa apabila ahli waris pemilik modal atau walinya ingin menyempurnakan kontrak itu dan meneruskan perniagaan dan harta *mudārabah* pada ketika itu berbentuk wang tunai. Mereka boleh berbuat demikian di mana harta modal dan bahagian mereka daripada keuntungan dan bahagian *mudārib* dalam keuntungan menjadi harta syarikat antara mereka dalam kontrak yang baru. Tetapi jika harta itu dalam bentuk barang perniagaan, sedangkan ahli waris si mati dan *mudārib* ingin meneruskan (menyempurnakan) kerja-kerja sebelumnya dengan menyambung terus *mudārabah* tersebut adalah dikira tidak harus. Ini kerana *mudārabah* batal dengan kematian pemilik modal. Tindakan sedemikian dikira sebagai memulakan *mudārabah* dengan bermodalkan barang.<sup>71</sup>

<sup>70</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.2, h. 130; Abū al-Wafid Sulaymān ibn Khalaf al-Bājī (t.t.), *al-Muntaqā*, Dār al-Fikr al-'Arabi, j.5, h. 175.

<sup>71</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h. 181; al-Māwardī (1956), *op. cit.*, h. 130-131.

Mazhab Maliki mengharuskan *mudārib* menyambung kerja dalam *mudārabah* jika diminta oleh ahli waris si mati supaya berbuat demikian.<sup>72</sup> Manakala *fūqahā'* Hanafi tidak mengharuskannya melainkan dengan kontrak yang baru kerana kontrak yang pertama telah tamat dengan kematian pemilik modal. Dalam hal ini tiada perbezaan sama ada harta modal ketika kematian itu dalam bentuk wang atau barang.<sup>73</sup>

Dalam mazhab Hanafi juga dinyatakan bahawa tidak menjadi syarat adanya pengetahuan *mudārib* tentang kematian pemilik modal untuk membolehkan kontrak itu dikira batal. Ia adalah suatu pembubaran secara hukum, tidak tertakluk kepada pengetahuan.<sup>74</sup> Manakala dalam mazhab Maliki, mengenai kematian pemilik modal, *mudārib* kekal dalam kontrak *mudārabah* sehingga dia tahu tentang kematian itu. Semasa dia belum mengetahui tentang kematian pemilik modal, kontrak *mudārabah* itu kekal dalam keadaan asalnya, semua urusniaga dianggap sah sehingga dia mengetahui tentang kematian itu.<sup>75</sup>

## 2. 2. *Mudārib* meninggal dunia

Dalam mazhab Syafi'i jika yang mati dalam kontrak *mudārabah* ialah *mudārib*, maka ahli-ahli warisnya tidak berhak membeli dan menjual harta modal *mudārabah* itu, sama ada harta itu dalam bentuk wang tunai atau barang.<sup>76</sup> Perbezaan wujud antara kematian pemilik modal dan kematian *mudārib*. Dalam kematian pemilik modal, *mudārib* boleh menjual harta *mudārabah* tanpa memerlukan keizinan daripada waris-waris pemilik modal. Sedangkan ketika

<sup>72</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 69.

<sup>73</sup> al-Kasānī (t.t.), *op.cit.*, j.8, h.3662-3663.

<sup>74</sup> al-Kasānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3622.

<sup>75</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j.2, h. 130.

<sup>76</sup> al-Māwardī (1956), *op.cit.* j.9, h. 131.

kematian *mudārib*, ahli-ahli warisnya( *mudārib*) tidak berhak menguruskan harta itu kecuali dengan keizinan pemilik modal. Dalam kontrak *mudārabah*, *mudārib* diwajibkan menunaikan amanah dalam mengurusniagakan harta *mudārabah* milik pemilik modal. Begitu juga setelah harta itu menjadi harta warisan anak-anaknya.  
<sup>3</sup>  
Tetapi tugas memegang amanah pengurusan ini tidak diperturunkan kepada ahli waris *mudārib* sama ada dalam mengurusniagakan harta pemilik modal ataupun harta ahli-ahli waris pemilik modal.<sup>77</sup>

Oleh yang demikian, jika harta modal itu berbentuk wang tunai, hendaklah dikembalikan kepada pemiliknya dan dibahagikan keuntungan jika ada. Jika pemilik modal mengizinkan ahli-ahli waris *mudārib* mengambil tempat *mudārib* dalam *mudārabah*, ia boleh dianggap sah jika kedua belah pihak tahu jumlah modal sebenarnya. Sebaliknya akan menjadi batal kontrak *mudārabah* itu jika mereka tidak tahu jumlah sebenar harta tersebut.<sup>78</sup> Hal ini berbeza dengan kematian pemilik modal, di mana *mudārib* boleh meneruskan perniagaan *mudārabah* dengan keizinan daripada ahli-ahli waris pemilik modal dan tidak batal *mudārabah* dengan kejahilan mereka tentang jumlah modal. Ini kerana dalam *mudārabah* harta disumbangkan oleh pemilik modal dan kerja disumbangkan oleh *mudārib*. Dengan kematian pemilik modal, maka kehendak kepada penyumbangan kedua perkara iaitu modal dan kerja dalam *mudārabah* masih kekal. Kerana itu harus mengekalkan (*istishāb*) kontrak yang lama disebabkan oleh kekalnya kedua-dua unsur *mudārabah* itu. Tidak batal *mudārabah* dengan berlakunya kejahilan tentang jumlah modal. Sebaliknya jika *mudārib* yang mati, maka hilanglah satu daripada dua unsur dalam *mudārabah*<sup>79</sup>

---

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> *Ibid.*

iaitu kerja. Oleh itu tidak bolch dikekalkan kontrak yang lama. Memulakan kontrak baru dengan ahli-ahli waris *mudārib* juga akan dianggap batal dengan berlakunya kejahanan tentang jumlah harta.<sup>79</sup>

Jika harta modal semasa kematian *mudārib* berbentuk barang perniagaan, maka ahli-ahli waris *mudārib* tidak harus melakukan urusniaga harta itu tanpa kebenaran pemilik modal. Jika diberi keizinan oleh pemilik modal mereka bolch menjualnya dan membahagikan keuntungan, jika ada, selepas modal dipulangkan kepada pemiliknya. Tetapi jika harta *mudārabah* itu bercampur dengan harta milik *mudārib* sendiri, ini bererti dalam harta itu terdapat harta berbentuk hutang yang perlu dibayar kepada ahli-ahli waris *mudārib*.<sup>80</sup>

Dalam mazhab Maliki pula sebelum harta ditukarkan kepada wang, kontrak berkenaan boleh diwarisi, jika berlaku kematian ke atas mana-mana pihak yang berkontrak. Jika *mudārib* mempunyai ahli waris atau ahli-ahli waris yang bersifat amanah, mereka boleh meneruskan kerja-kerja *mudārabah* sebagaimana pewaris mereka. Jika ahli atau ahli-ahli waris tidak amanah mereka hendaklah mengemukakan seorang yang boleh dipercayaai. Jika mereka tidak berbuat demikian, mereka dikhendaki menyerahkan kembali harta modal itu kepada pemiliknya tanpa mendapat apa-apa keuntungan. Ini kerana dalam mazhab Maliki *mudārabah* adalah *ji'ālah* di mana pekerja tidak berhak mendapat ganjaran kecuali setelah menyelesaikan kerjanya<sup>81</sup>.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> al-Saykh Niżām (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 330; al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 356.; Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 182.

<sup>81</sup> Ibn Rusyd (1971), *op.cit.*, j.2, h. 240.

Ibn ‘Ābidin daripada mazhab Hanafi beranggapan bahawa apabila *mudārib* meninggal dunia dan harta *mudārabah* pada masa itu berada dalam bentuk barangan, *waṣī* *mudārib* hendaklah menjual barangan itu. Jika *mudārib* tiada *waṣī*, maka qadi hendaklah melantik *waṣī* untuk tujuan itu. *Waṣī* itu bertanggungjawab menjual barangan tersebut dan menyerahkan hasil jualannya kepada pemilik modal bersama bahagiannya daripada keuntungan. Demikian juga dia dikehendaki menyerahkan bahagian *mudārib* dalam keuntungan kepada ahli-ahli warisnya atau kepada orang yang memberi hutang (piutang) kepadanya.<sup>82</sup>

Apabila *mudārib* mati dalam keadaan tidak diketahui kedudukan perniagaan *mudārabah* berkenaan wajib dijamin harta perniagaan itu dengan harta pusaka tinggalannya, di mana ia menjadi hutang dalam tanggungan *mudārib*.<sup>83</sup> Apabila ahli-ahli warisnya mendakwa bahawa si mati telah memulangkan harta *mudārabah* kepada pemiliknya, mereka dikehendaki mengemukakan keterangan atau bukti. Tindakan demikian adalah kerana semasa hidupnya, kata-kata *mudārib* diterima berhubung dengan pemulangan harta modal serta sumpahnya kerana dia orang yang diberi kepercayaan. Tetapi dengan kematian yang tidak diketahui kedudukan harta perniagaan berkenaan tidaklah dianggap ahli warisnya sebagai pemegang amanah. Kata-kata mereka tidak dapat diterima dalam dakwaan mereka terhadap kerosakan harta *mudārabah* dan penyerahan kembali harta berkenaan kepada pemiliknya.<sup>84</sup>

Namun demikian mereka boleh mensabitkan pemulangan harta *mudārabah* kepada pemilik modal dengan mengemukakan keterangan mengenai

<sup>82</sup> Ibn ‘Ābidin (1966), *op.cit.*, h. 654; Syarf al-Dīn (1974), *op.cit.*, h. 136.

<sup>83</sup> al-Kāṣāñ (t.t.), *op.cit.*, j 8, h. 3669.

<sup>84</sup> *Ibid.*

pemulangan *muḍārib* akan harta *muḍārabah* kepada pemiliknya atau ada kenyataan *muḍārib* sebelum kematianya yang menyatakan hakikat bahawa dia telah memulangkan harta *muḍārabah* bersama keuntungannya kepada pemilik modal, maka dakwaan mereka diterima. Jika *muḍārib* mati dalam keadaan berhutang, dan harta *muḍārabah* diketahui, maka pemilik modal lebih berhak atas harta modal dan bahagiannya daripada keuntungan.<sup>85</sup> Ini bererti hutang dikemudiankan daripada pemulangan harta modal *muḍārabah*.

Dalam perkara pemilik modal menyerahkan modal kepada *muḍārib* dengan perjanjian akan berbahagi keuntungan pada kadar 1/2. Sebelum kematianya, *muḍārib* mengaku dia telah melaksanakan kerja mengurus perniagaan berkenaan dengan mendapat untung. Kemudian *muḍārib* mati tanpa diketahui kedudukan perniagaan *muḍārabah* itu. Pada ketika itu, di tangan *muḍārib* terdapat harta modal *muḍārabah* dan keuntungan yang diperolehi. Dalam perkara ini pemilik modal hanya berhak mengambil kembali harta modal miliknya. Dia tidak berhak mengambil bahagiannya dalam keuntungan kerana *muḍārib* tidak membuat pengakuan bahawa keuntungan itu telah sampai ke dalam tangannya. Dia hanya mengaku ada keuntungan sahaja. Kalau *muḍārib* telah membuat pengakuan bahawa keuntungan itu telah sampai ke tangannya. Dalam hal ini pemilik modal boleh mengambil harta modal bersama keuntungan yang menjadi bahagiannya. Ini kerana harta modal *muḍārabah* dan bahagian keuntungan pemilik modal adalah suatu amanah di tangan *muḍārib*.<sup>86</sup>

---

<sup>85</sup> al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 142; al-Syaykh Niżām (t.t.), *op.cit.*, j.4, h. 330.

<sup>86</sup> al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, h. 141.

Jika *mudārib* telah membuat penjelasan tentang kedudukan perniagaan *mudārabah* atau harta *mudārabah* itu dapat diketahui dengan jelas sebelum dia meninggal dunia, maka harta itu dianggap sebagai amanah di tangan *wasi* atau ahli warisnya. Sama seperti amanah di tangan *mudārib* sendiri. Dakwaan mereka tentang kerrosakan harta *mudārabah* dan pemulangannya kepada pemilik modal adalah diterima.<sup>87</sup>

### 2.3. Salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak *mudārabah* gila.

Gila pemilik modal juga menjadi sebab berakhirnya sesuatu kontrak *mudārabah* kerana gila menghalang seseorang daripada melaksanakan tindakan yang bersesuaian dengan kehendak kontrak *mudārabah*. Demikian juga gila menghalang berkekalan kontrak tersebut kerana gila menafikan keupayaan manusia mengurusniagakan hartanya dan orang gila bukan ahli dalam menunaikan sesuatu (*ahlīyyah al-ādā*). Sama juga keadaannya jika *mudārib* gila, ia menghalang daripada berterusan keizinan untuknya dalam mengurusniagakan harta *mudārabah* terutama untuk menjaga kepentingan pemilik modal. Lojiknya apabila dia dilarang daripada menguruskan hartanya sendiri, maka lebih utama dia dilarang daripada mengurus harta orang lain.

*Fuqahā' Sunnī* sepakat bahawa gila salah seorang daripada pihak yang berkontrak dalam *mudārabah* adalah membatalkan kontrak berkenaan, malahan dalam mazhab Syafi'i pingsan atau pitam juga dianggap membatalkan *mudārabah*.<sup>88</sup> Ketentuan hukum sedemikian meliputi semua kontrak yang tidak

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> al-Khaṭīb (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 319; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j.5, h. 66; al-Kāṣāñī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3992. Ibn 'Abidīn (1966), *op.cit.*, j.5, h. 654; Ibn Qūdār (1977), *op.cit.*, j.8, h. 466.

*lāzim*, tidak mengikat. al-Kāsānī , ahli *fiqh* mazhab Hanafi beranggapan bahawa gila yang boleh membatalkan *mudārabah* ialah gila yang berterusan. Ini kerana ia membatalkan keahlian membuat arahan bagi pemilik modal dan menghilangkan keahlian urusniaga *mudārib*.<sup>89</sup> Cuma *fuqahā'* Hanafi berbeza pendapat sesama mereka dari segi lama masa gila yang dianggap membatalkan kontrak *mudārabah*. Ada yang menetapkan tempoh selama sebulan dan ada yang menetapkanya setahun. Abū Yūsuf menetapkan tempoh sebulan manakala Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Syaybānī pula menetapkan tempoh setahun.<sup>90</sup> Hal ini kerana tempoh satu tahun itu telah menggugurkan kewajipan ibadat semuanya. Jika kurang daripada setahun ia tidak menggugurkan kewajipan zakat.<sup>91</sup> Jika yang gila itu adalah pemilik modal dan dalam tempoh itu *mudārib* terus melakukannya kerja-kerja memperniagakan harta *mudārabah*, maka dia dianggap sebagai merampas harta orang.<sup>92</sup> al-Ramli, ahli *fiqh* mazhab Syafī'i berpendapat bahawa gila yang membatalkan sesuatu kontrak itu tidak semestinya gila yang berterusan. Asalkan berlaku gila pada seseorang boleh menghilangkan keahlian berkontrak sekalipun gila itu berlaku dalam masa yang singkat. Ini kerana jika sesuatu kontrak itu disertai dengan perkara yang menegah daripada pelaksanaannya, dan perkara itu berlaku selepas termeterainya kontrak berkenaan, maka ia membatalkan kontrak itu tanpa mengira tempoh masa kekalnya perkara itu.<sup>93</sup>

al-Marṣafī daripada mazhab Syafī'i menjelaskan bahawa pingsan atau pitam salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak *mudārabah* yang dianggap

<sup>89</sup> al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. 6, h. 3662.

<sup>90</sup> *Ibid*, J. 7, h. 3486.

<sup>91</sup> Ibn Qudār ( 1977) , *op.cit.*, j. 8, h. 142.

<sup>92</sup> al-Khaṣīf (t.t) , *op.cit.*, h. 103.

<sup>93</sup> al-Ramli ( 1967) , *op.cit.*, j. 5, h. 55.

membatalkan kontrak tersebut ialah pingsan atau pitam yang menggugurkan fardhu sembahyang.<sup>94</sup> Ini bererti pingsan atau pitam dalam jangka masa yang singkat tidak membatalkan *muḍārabah*, kerana ia dianggap sama seperti tidur. Oleh yang demikian ia memerlukan kepada suatu penentuan tempoh masa tertentu iaitu tempoh yang menggugurkan kefardhuan sembahyang ke atas seorang, di mana berterusannya pingsan atau pitam dalam tempoh tersebut. Jika pingsan atau pitam itu belaku dalam masa yang kurang daripada tempoh itu, maka ia diaggap tidak menghilangkan keahliannya dan tidak batal kontrak yang berlaku sebelumnya. Mengenai tempoh masa pingsan atau pitam yang menggugurkan kefardhuan sembahyang, mereka berpendapat bahawa jika kejadian pingsan atau pitam itu berlaku sebelum subuh sehingga naik matahari, maka kefardhuan sembahyang subuh dikira gugur; jika pingsan atau pitam itu berlaku pada waktu siang dan berlarutan hingga tenggelam mata hari, maka gugurlah kefardhuan sembahyang zuhur dan ‘asar ; jika pingsan atau pitam itu berlaku pada waktu malam sehingga naik fajar, maka gugurlah kefardhuan sembahyang maghrib dan ‘isya’ atau ‘isya’ sahaja jika kejadian itu berlaku selepas maghrib.<sup>95</sup>

◎◎◎

Dalam kejadian pingsan atau pitam yang membatalkan *muḍārabah*, setelah sembuh orang yang terlibat boleh memilih membubarkan *muḍārabah* atau dia membaharui kontrak tersebut. *Fuqahā'* Hanafi menganggap pingsan atau

---

<sup>94</sup> Muhammad al-Marṣafī (t.t.), *Hasyiah al-Bujayrimī*, ‘alā Syarh Manhaj al-Tulāb, j. 4, Beirut: Dār al-Šādir, h. 65.

<sup>95</sup> Dalam al-Um dinyatakan bahawa apabila orang yang pingsan , mabuk atau pitam sembuh dan hari siang masih ada pada kadar yang cukup untuk satu takbir, maka dia hendaklah mengulangi sembahyang Zuhur dan ‘Asar dan tidak perlu dia mengulangi sembahyang yang sebelumnya iaitu Subuh, ‘Isya’ dan Maghrib. Apabila dia sembuh sebelum fajar pada kadar satu takbir, dia dikenakan hukum menunaikan sembahyang Maghrib dan ‘Isya’ dan jika dia sembuh sebelum naik matahari pada kadar yang cukup untuk satu takbir, maka hendaklah dia menunaikan sembahyang Subuh, tetapi jika dia sembuh selepas naik matahari, dia tidak dikenakan qada’ (Subuh, ‘Isya’ dan Maghrib ). Lihat al-Syāfi‘ī (t.t.), *op. cit.*j.1, h. 88.

pitam yang mendatang tidak membatalkan apa-apa kontrak yang dilakukan olehnya sebelum itu kerana mereka menganggapnya sama seperti tidur.<sup>96</sup>

#### 2. 4. Harta modal rosak

Kerosakan harta modal *mudārabah* juga dianggap membubarkan *mudārabah* kerana ia adalah objek urusniaga. Jika harta modal binasa, maka tiada lagi objek *mudārabah*, dan tidak mungkin kontrak boleh dikenakan. Dalam mazhab Syafi'i, jika sebahagian daripada harta *mudārabah* rosak sebelum urusniaga dilaksanakan, maka bahagian yang rosak itu tidak dikira sebagai sebahagian daripada harta modal. Ia tidak ditampung dengan keuntungan kerana kerosakan itu berlaku sebelum perniagaan bermula. Bahagian harta yang rosak itu dianggap terkeluar daripada *mudārabah*.<sup>97</sup> Sebaliknya jika kerosakan kepada harta *mudārabah* itu berlaku selepas aktiviti jual beli dilakukan kemudian rosak harga barang yang dijual, maka kerosakan ini dikira sebagai kerosakan harta modal dan ditampung dengan keuntungan yang diperolehi dalam perniagaan *mudārabah* berkenaan.<sup>98</sup>

Jika kerosakan itu berlaku setelah pembelian barang dibuat, sebelum menjualnya. Dalam perkara ini, menurut al-Māwardī bahawa *fugahā'* mazhab Syafi'i terbahagi kepada dua pandangan. Pertama, ia dikira sebagai *mudārabah* kerana kerosakan itu berlaku sesudah pembelian dibuat. Semua harta yang diserahkan kepada *mudārib* dianggap sebagai modal. *Mudārib* dikehendaki menyerahkan keuntungan yang diperolehi untuk menampung kerosakan harta

<sup>96</sup> al-'Aynī (1981), *op.cit.*j 4, h. 380; al-Ghayatī (1988), *op.cit.*, h. 97.

<sup>97</sup> al-Māwardī (1956), *op.cit.*j.9, h. 134.

<sup>98</sup> *Ibid*; al-Nawawī, (1338H), *op.cit.*,h. 74; al-Khatīb (t.t.), *op. cit.*, j.2, h.319.

modal tersebut. Kedua, bahawa setakat barang yang rosak tidak dikira sebagai modal *mudārabah* kerana kerosakan itu berlaku sebelum dapat dijual barang yang dibeli. Oleh itu yang menjadi modal *mudārabah* hanyalah setakat harta yang masih ada yang tidak rosak sahaja. Dengan demikian *mudārib* tidak perlu menampung kerugian terhadap harta yang rosak dengan keuntungan yang diperolehnya daripada perniagaan *mudārabah* berkenaan. Ini kerana bahagian harta yang rosak dianggap berasingan daripada harta modal *mudārabah*, yang mana berlakunya kontrak *mudārabah* ke atas harta berkenaan.<sup>99</sup>

*Fuqahā' Sunnī* sepakat bahawa kerosakan semua harta modal sebelum urusniaga *mudārabah* dijalankan adalah membatalkan *mudārabah*.<sup>100</sup> al-Dardir, ahli *fiqh* mazhab Maliki berpendapat bahawa setelah terbatalnya *mudārabah* dengan berlakunya kerosakan ke atas semua harta modal sebelum urusniaga dimulakan, pemilik modal boleh memilih sama ada:<sup>101</sup>

- i. Mengemukakan harta lain sebagai modal bukan gantian kepada harta yang rosak. Dengan itu terbentuk satu *mudārabah* yang baru.
- ii. Tidak mengemukakan sebarang harta modal yang lain dan *mudārabah* menjadi tamat, tidak bersambungan.

*Mudārib* tidak terikat untuk menerima tawaran modal buat kali kedua kerana *mudārabah* dianggap telah tamat dengan kerosakan modal semuanya.<sup>102</sup> Apabila pemilik modal menawarkan modal lain sebagai ganti kepada harta

<sup>99</sup> al-Māwardī (1956) , *op. cit.*, j. 9, h. 134-135.

<sup>100</sup> al-Ramli (1967) , *op. cit.*, J.4, h 174; al-Khatīb (t.t.) , *op. cit.*j.2, h. 319; al-Kāsāñ (t.t.) , *op. cit.*, J.8, h. 3664.

<sup>101</sup> al- Dusūqī (t.t) , *op. cit.*, J.3, h. 529.

<sup>102</sup> *Ibid.*

modal yang telah rosak, maka ia dianggap sebagai suatu tawaran untuk membuat kontrak *muḍārabah* yang baru dengan syarat yan baru. *Muḍārib* bebas sama ada mahu menerima atau menolaknya.<sup>103</sup>

Namun *fuqahā'* Maliki berbeza pendapat dengan *fuqahā'* Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mengenai kerosakan sebahagian daripada harta modal *muḍārabah* sebelum kerja dilakukan. Mengikut *fuqahā'* Hanafi, Syafi'i dan Hanbali bahawa kerosakan itu tidak perlu ditampung oleh keuntungan kerana yang dianggap sebagai modal *muḍārabah* ialah harta yang baki, yang tidak rosak sahaja.<sup>104</sup> Tetapi *fuqahā'* Maliki berpendapat bahawa kerosakan itu mesti ditampung oleh keuntungan sekalipun kerosakan itu berlaku sebelum kerja urusniaga *muḍārabah* dimulakan.<sup>105</sup> Setelah harta modal *muḍārabah* semuanya dikembalikan kepada pemiliknya iaitu pada jumlah yang diterima oleh *muḍārib* tanpa ditolak jumlah yang rosak, baki yang ada iaitu keuntungan dibahagikan antara mereka mengikut persetujuan yang dibuat semasa kontrak dimetraikan. Ini kerana pada pendapat mereka kerosakan sebahagian daripada harta modal *muḍārabah* sebelum *muḍārib* memulakan kerjanya, tidak memberi kesan ke atas harta *muḍārabah*, tidak mengurangkannya, malahan ia kekal mengikut kadar yang dipersetujui dalam kontrak yang asal.<sup>106</sup>

Pada pandangan Ibn Qudāmah, ahli *fīqh* mazhab Hanbali, apabila harta modal *muḍārabah* rosak sebelum membeli dan sebelum urusniaga dimulakan, maka *muḍārabah* itu menjadi terbubar kerana hilangnya harta yang menjadi

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> al-Nawawi (1338 H), *op.cit.*, h. 74; al-Hijāwī, *op.cit.*, j. 1, h. 352; al-Khaṣīf (t.t.), *op.cit.*, h. 87.

<sup>105</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, 99; al-Dardir (1989), *op.cit.* j. 3, h.700.

<sup>106</sup> al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*

pergantungan kontrak berkenaan.<sup>107</sup> Jika harta itu hanya rosak sebahagiannya, maka kontrak *mudārabah* itu kekal pada yang bakinya. Harta yang baki itulah yang dikira sebagai modal *mudārabah* itu. Jika sebahagian daripada harta *mudārabah* rosak selepas *mudārib* membuat pemelian, maka kerosakan itu dikira sebagai menjelaskan keuntungan dan ia tidak mengurangkan jumlah modal.<sup>108</sup> Jika semua barang *mudārabah* yang dibeli rosak, *mudārabah* dianggap bubar kerana harta modal telah hilang semuanya kerana rosak. Jika pemilik modal menggantinya dengan sejumlah modal yang baru, maka modal baru itu sahaja yang dianggap sebagai modal *mudārabah*, tidak boleh dicampur dengan *mudārabah* yang pertama kerana *mudārabah* pertama telah tamat dengan hilangnya semua harta modal tersebut.<sup>109</sup>

Ternyata perbezaan pendapat antara majoriti *fuqahā'* yang diwakili oleh *fuqahā'* Hanafi Syafī'i dan Hanbali di satu pihak dan *fuqahā'* Maliki di satu pihak yang lain adalah berpunca daripada perbezaan pendapat tentang harta yang dianggap sebagai modal *mudārabah*. Majoriti *fuqahā'* *Sunnī* beranggapan bahawa harta yang tidak rosak itu sahaja yang dikira sebagai modal *mudārabah*. Manakala *fuqahā'* Maliki berpendapat bahawa semua harta, termasuk yang telah rosak adalah dikira sebagai modal *mudārabah*. Kerana itulah pada mereka kerosakan itu mesti ditampung oleh keuntungan yang diperolehi oleh *mudārib* dalam memperniagakan harta *mudārabah* yang tidak rosak.<sup>110</sup> Dalam hal kerosakan sebahagian daripada harta *mudārabah* yang berlaku setelah berlakunya jual beli, tiada perbezaan pendapat antara *fuqahā'* *Sunnī* bahawa harta yang rosak

<sup>107</sup> Ibn. Qudāmah ( 1981 ) , *op.cit.*, j. 5, h. 67

<sup>108</sup> al-Bahūtī ( t.t ) , *op.cit.*, j. 3, h. 518.

<sup>109</sup> Ibn Qudāmah ( 1981 ) , *op.cit.*, j. 5, h. 68.

<sup>110</sup> al-Tanūkhī ( t.t ) , *op.cit.*, j. 5, h. 99.

itu diganti dengan keuntungan. Ini bermakna semua harta *mudārabah* termasuk yang rosak dikira sebagai modal.

Mengenai kerrosakan yang berlaku ke atas semua harta *mudārabah* setelah perniagaan bermula, *fuqahā'* Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa ianya membatalkan *mudārabah*. Manakal *fuqahā'* Hanafi pula berpendapat ianya tidak membatalkan *mudārabah*, sebaliknya ia kekal dalam keadaan yang asal. Pemilik modal dikehendaki menggantinya dengan harta lain. Ini kerana *mudārib* menjalankan kerja-kerja urusniaga adalah untuk pemilik modal, maka dia boleh merujuk kepada pemilik modal untuk memperolehi gantian kepada harta modal *mudārabah* yang telah rosak walaupun kerrosakan itu berlaku berulang kali.<sup>111</sup> Dalam perkara ini *fuqahā'* Hanafi berpendapat bahawa semua harta modal yang telah rosak dan gantian yang diberi kepada *mudārib* oleh pemilik modal adalah dikira sebagai modal *mudārabah*. Sedangkan majoriti *fuqahā'* daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali pula berpendapat bahawa yang dikira sebagai modal hanyalah harta gantian itu. Ini bermakna bahawa harta yang rosak itu dianggap sebagai harta pemilik modal sendiri, bukan harta yang menjadi modal *mudārabah*.<sup>112</sup> Menurut al-Imām Mālik bahawa kerrosakan harta *mudārabah* sesudah diurusniagakan membatalkan *mudārabah*. Apabila pemilik modal memberi harta lain sebagai gantian kepada harta modal yang telah rosak, ia menjadikannya *mudārabah* yang baru. Modalnya adalah apa yang diberikan oleh pemilik modal sebagai ganti tidak termasuk harta yang telah rosak.<sup>113</sup>

<sup>111</sup> al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j. 5., h. 3665; al-Samarqandī (1993), *op.cit.*, h. 24.

<sup>112</sup> al-Khaṭīb (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 319; al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3665; Ibn Qudāmah, (1981) *op.cit.*, j. 5, h. 68.

<sup>113</sup> al-Tanūkhī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 102; al-Dardir (1989), *op.cit.*, j. 3, h. 529.

Dalam mazhab Hanafi juga dinyatakan, jika sesuatu perniagaan *mudārabah* itu telah ternyata mendapat untung. Kemudian *mudārib* menceruskan perniagaan dengan membeli barang yang lain dan telah menerima barang berkenaan. Sebelum sempat pembayaran harga barang itu dibuat oleh *mudārib*, semua harta *mudārabah* telah rosak atau hilang. Pembayaran harga barang yang telah dibeli itu adalah ditanggung oleh pemilik modal dan *mudārib* mengikut nisbah hak masing dalam harta modal *mudārabah* berkenaan.<sup>114</sup> Misalnya pemilik modal menyerahkan modal *mudārabah* kepada *mudārib* sebanyak RM 1,000 dengan perjanjian berkongsi untung pada kadar 1/2. *Mudārib* memperniagakan modal itu dan mendapat untung sebanyak RM 1,000. Ketika itu harta *mudārabah* telah meningkat menjadi 2,000. Dengan wang sebanyak 2,000 itu *mudārib* terus bermula dengan membeli barang berharga RM 2,000. Sebelum sempat *mudārib* menyerahkan harga barang itu, semua harta *mudārabah* rosak atau hilang. Untuk membayar harga barang yang telah dibeli itu, pemilik modal dan *mudārib* menanggungnya bersama mengikut nisbah hak masing-masing dalam harta *mudārabah* berkenaan. Ini bererti pemilik modal membayarnya sebanyak RM 1,500, manakala *mudārib* pula membayar RM 500.

## 2. 5. Murtad

Murtad bermaksud memisahkan diri atau keluar daripada Islam dengan melakukan perbuatan yang mengeluarkannya daripada Agama Islam sama ada dengan perkataan atau kepercayaan (*i'tiqād*).<sup>115</sup> Apabila pemilik modal yang

<sup>114</sup> Lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 22, h. 172; al-Kāṣāñī (t.t.), *op.cit.*, j. 8, h. 3666; al-Marghināñī (t.t.), *op.cit.*, j.3, h. 212.

<sup>115</sup> Muhammad Rāwas Qal'ajī (1986), *Mawsū'ah Fiqh Ibrāhīm Nakha'7*, j.1, Beirut: Dār al-Nafāis, h. 494.

murtad mati, dibunuh atau dia berpindah ke negeri kafir *harbi* dengan hukuman yang ditentukan oleh qadi, maka *muḍārabah* dikira batal mulai daripada hari dia diistiharkan murtad. Pada pandangan Abū Ḥanīfah perpindahannya ke negeri kafir hukumnya sama seperti dia mati, di mana ia menghilangkan keahliannya sebagai pemilik modal.<sup>116</sup> Oleh itu hartanya hendaklah dibahagikan antara ahli-ahli warisnya.<sup>117</sup>

Urusniaga *muḍārib* ke atas harta *muḍārabah* sesudah murtadnya pemilik modal dan sebelum dia mati adalah dibekukan (*mawqūf*). Jika ia rujuk kepada Islam, atau rujuk kepada Islam dan kembali dari negeri kafir sebelum hukuman dikenakan ke atasnya, urusniaga *muḍārib* ke atas hartanya dikira lulus seolah-olah pemilik modal tidak pernah murtad sama sekali.<sup>118</sup> Sebaliknya jika dia tidak rujuk kepada Islam dan tidak kembali dari negeri kafir *harbi*, maka urusniaga ke atas hartanya dikira batal mulai daripada hari dia murtad. Tetapi jika harta *muḍārabah* itu dalam bentuk barang perniagaan, maka urusan menjual dan membeli yang dilakukan oleh *muḍārib* adalah harus sehingga harta itu dapat ditukarkan kepada wang. Ini adalah cara penyelesaian yang berdasarkan kepada pandangan *fuqahā'* Hanafi di mana mereka berpegang kepada perinsip bahawa tidak terpecah *muḍārib* dengan pemecatan dan larangan daripada mengurusniagakan harta *muḍārabah* dan juga tidak terpecahnya *muḍārib* dengan kematian pemilik modal atau murtad pemilik modal, kecuali setelah harta modal ditukarkan kepada wang tunai.<sup>119</sup> Ini berbeza dengan pendapat Abū Yusuf dan Muhammad ibn al-Hasan al-Syaybāñ, dua orang tokoh *fiqh* mazhab Hanafi. Pada

<sup>116</sup> al-Kāsāni ( t.t ) , *op.cit.*, j.8, h. 3663

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> *Ibid.*

pendapat mereka bahawa murtad tidak memberi kesan kepada pemilikan orang murtad tersebut, maka kerana itu harus *mudārib* mengurusniagakan harta *muḍarabah* selepas murtadnya pemilik modal, sebagaimana harusnya pemilik modal menguruskan hartanya sendiri. Apabila mati pemilik modal atau dia dibunuh kerana kemurtadannya, maka kematianya sama seperti kematian orang muslim dari segi ianya membatalkan kontrak *muḍarabah*. Demikian juga jika dia meninggalkan negara Islam dan berpindah serta menetap di negeri kafir *harbi* atau dia telah dikenakan hukuman oleh qadi atas kesalahan berbuat demikian.<sup>119</sup> Ini dikira membatalkan *muḍarabah* kerana hal sedemikian dianggap sama seperti mati. Urusniaga *muḍarabah* yang dilakukan oleh *mudārib* dianggap tidak lulus. Urusniaga itu dianggap untuk *mudārib* sahaja. Semua keuntungan menjadi miliknya dan kerugian menjadi tanggungannya. Dia dikehendaki menjamin (*damān*) harta modal. Kemudian jika pemilik modal yang murtad itu kembali sebagai seorang muslim, hukum sedemikian tetap tidak berubah.<sup>120</sup> Dia hanya berhak mengambil modal miliknya sahaja.

Adapun jika *mudārib* murtad, maka *muḍarabah* itu dikira tidak batal. Ini dipersetujui oleh semua *fuqahā'* Hanafī kerana *mudārib* pada waktu itu tetap mempunyai keahlian sebagai seorang pekerja *muḍarabah*. Urusniaganya tetap dikira harus sehingga dia dibunuh atau mati dalam keadaan murtadnya atau dia perpindah ke negeri kafir *harbi*.<sup>121</sup>

---

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> Muhammad ibn al-Hasan al-Sayybānī (1997), *Syarh Kitāb al-Siyar al-Kabīr*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 162.

<sup>121</sup> al-Kāsānī (t.t.), *op. cit.*, h. 3664.

2.6. Sekatan (*al-hajr*) ke atas salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak *mudārabah*

Majoriti *Fuqahā'* mazhab *Sunnī* kecuali Abū Ḥanīfah dan sebahagian *Fuqahā'* mazhab Hanafi berpendapat<sup>122</sup> bahawa apabila pemilik modal dikenakan sekatan (*al-hajr*) daripada mengurus hartanya kerana *safīh*,<sup>123</sup> maka *mudārib* menjadi terpecat. Ia tidak lagi dapat dianggap sebagai wakil dalam mengurusniagakannya. Manakala Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa orang orang *safīh* tidak harus dikenakan tindakan *hajr*.<sup>124</sup> Kerana itu bagi beliau tidak timbul persoalan pemecatan *mudārib* kerana *hajr* yang dikenakan kepada pemilik modal disebabkan sifat *safīh* yang ada padanya.

*Fuqahā'* *Sunnī* juga berbeza pendapat berhubung dengan *mudārib* yang dikenakan sekatan pengurusan kerana *safīh*. Dalam hal ini juga mereka berpecah kepada dua pendapat. Pertama, golongan majoriti yang diwakili oleh *Fuqahā'* mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa *mudārib* terpecat dengan sekatan yang dikenakan ke atasnya daripada mendapat kuasa perwakilan dalam *mudārabah* kerana tiada kesesuaian padanya untuk mengurus perniagaan *mudārabah* dan dia tidak mempunyai keahlian dalam perkara tersebut. Kerana itu urusniaganya menjadi batal. Ini kerana yang memberi perwakilan ialah pemilik

<sup>122</sup> al-Syirāzī (1996), *al-Tanbīh*, Beirut, Dār al-Fikr, h. 95; al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j.7, h. 4389; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 4 h. 519. Ada perbezaan pendapat dalam mazhab Hanafi mengenai *hajr* orang *safīh*. Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa orang *safīh* tidak boleh dikenakan *hajr*. Manakala Abū Yūsuf dan Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Sayyabānī pula mengharuskannya. Bagi Abū Ḥanīfah tidak boleh dikenakan *hajr* kecuali ke atas tiga golongan : mufti yang gila, doktor yang jahil dan penyewa (*makāri*) yang bankrap. Lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 24, h. 157

<sup>123</sup> *Safīh* bermaksud orang yang membelanjakan hartanya bukan pada tempatnya. Dia membazir dalam perbelanjaan, bertindak mengikut hawa nafsu tanpa menggunakan akal yang waras. Lihat *Ibid.*

<sup>124</sup> *Ibid*; al-Kāṣānī (t.t.) ,op. cit., j. 8, h. 4463.

modal. Sudah tentu dia hanya redha kepada orang cerdik dan berkemahiran untuk mengurusniaga hartanya, tidak kepada yang *safīh*.<sup>125</sup>

Golongan kedua yang terdiri daripada *fuqahā'* Hanafī pula berpendapat bahawa *mudārib* tidak dikenakan sekatan daripada menguruskan hartanya disebabkan oleh sifat *safīh* yang ada padanya, maka ia tidak terpecah daripada kedudukannya sebagai *mudārib* dalam kontrak *mudārabah*. *Mudārib* tidak terpecah dengan sekatan yang dikenakan kepadanya kerana *safīh*. Mereka berpendapat bahawa hukum orang yang *safīh* sama dengan kanak-kanak yang *mumayyiz*. Kanak-kanak *mumayyiz* adalah berkeahlian dalam memberi perwakilan dan menjadi wakil kepada orang lain, begitu juga dengan orang *safīh*.<sup>126</sup> Dalam hal orang *safīh* sebagai *mudārib*, ia dapat diterima kerana orang yang melantiknya sebagai wakil(*mudārib*) telah bersetuju dengan pemikiran dan cara pengurusannya. Dia berhak memecatnya apabila dia mendapati tidak lagi sesuai untuk melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan *mudārabah* dan ketidak upayaannya dalam menguruskan harta modal.<sup>127</sup>

Pendapat yang dianggap lebih tepat dan lebih *bermaslahah* ialah pendapat yang dikemukakan oleh majoriti *fuqahā'* iaitu daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali yang mengatakan bahawa sekatan yang dikenakan kepada *mudārib* disebabkan *safīh* melucutkan kelayakan *mudārib* daripada pekerjaannya sebagai pengurus perniagaan *mudārabah*. Ini kerana sifat *safīh* itu menghilangkan keahliannya dalam menguruskan hartanya sendiri dan harta orang lain. Di samping itu dia juga membahayakan harta. Kemungkinan dia akan menyebabkan

<sup>125</sup> Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, j. 5, h. 64;

<sup>126</sup> al-Nawawī (1338 H), *op.cit.*, h. 59; al-Kāṣānī (t.t.), *op.cit.*, j. 7, h. 3447.

<sup>127</sup> al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 12, h. 175; al-Kāṣānī, *op.cit.*.

kerosakan dan kehilangan harta itu kerana boros dan tidak cekap dalam menguruskan harta modal berkenaan. Malahan dia tidak dapat dianggap sebagai pemegang amanah ke atas harta kerana dia tidak berupaya untuk menjaga dan memeliharanya. Dalam pada itu orang yang melantiknya sebagai *mudārib* akan hanya rela dengan orang yang mempunyai pemikiran yang waras, bukan yang *safīh*.<sup>128</sup>

## 2. 7. Pemilik modal bankrap

Majoriti *fuqahā' Sunnī* selain daripada Abū Ḥanīfah dan segolongan daripada *fuqahā'* Hanafi berpendapat apabila berlaku *muflis* (bankrap) ke atas pemilik modal dalam *mudārabah*, maka ia menjadi sebab kepada berakhirnya kontrak *mudārabah* itu.<sup>129</sup> Tetapi sebaliknya jika *mudārib* yang bankrap, maka ia tidak mendatangkan kesan yang boleh membatalkan *mudārabah* kerana dia menguruskan harta orang lain dengan hukum *wakālah*. Orang yang bankrap masih dianggap berkeahlian sebagai wakil dalam menguruskan perniagaan. Oleh yang demikian tidaklah membatalkan *mudārabah* dengan kebankrapannya. Ini bererti kebankrapan *mudārib* tidak memberi kesan kepada kontrak *mudārabah*.<sup>130</sup>

Berbeza dengan Abū Ḥanīfah di mana beliau bependapat bahawa bankrap mana-mana pihak dalam kontrak *mudārabah*, sama ada pemilik modal atau

<sup>128</sup> al-Khaṭīf (t.t.), *op.cit.*, h. 109; al-Qudāh (1984), *op.cit.*, h. 417.

<sup>129</sup> al-Syirāzī (1994), op. cit., j. 1, h. 424; Ibn Qudāmah 9 t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 486. Dalam mazhab Hanafi, mengenai orang yang dibebani hutang dan pemutang-pemutang meminta kepada qadi supaya mengenakan *ḥajr* kepadanya. Abū Ḥanīfah berpendapat qadi tidak boleh mengenakan *ḥajr*. Manakala Abu Yusuf dan Muhammad ibn al-Hasan al-Sayyābī mengharuskan qadi mengenakan *ḥajr* ke atas si berhutang. Oleh itu tidak lulus *tasarruf* ke atas harta-harta dalam tangannya setelah dikenakan *ḥajr*. Lihat al-Sarakhsī (t.t.), *op.cit.*, j. 24, h. 163.

<sup>130</sup> Menurut al-Syirāzī, jika orang yang bankrap itu ada pekerjaan sebagai sumber pendapatan, maka dia berhak ke atas pendapatan itu untuk nafqah diri dan keluarganya. Ini

*mudārib* tidak menjadi sebab terbatalkan kontrak berkenaan. Menurut Abū Ḥanīfah lagi bahawa qadi tidak harus menjatuhkan hukuman *hajr* ke atas orang yang dibebani hutang sekalipun diminta oleh oleh sipiutang supaya qadi bertindak demikian.<sup>131</sup> Manakala Abū Yūsuf dan Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Syaybānī, dua orang tokoh *fiqh* daripada mazhab Hanafī mengharuskan qadi mengenakan hukuman *hajr* ke atas orang yang dibebani hutang (bankrap).<sup>132</sup> Mereka berpendapat bahawa sekatan kerana hutang (*muflis*) menyekat orang berhutang daripada melakukan *tabarru'* (membuat pelupusan harta secara sukarela) sehingga dia dapat membayar kembali hutang-hutangnya kepada si piutang.<sup>133</sup> Ini bererti bahawa mereka tidak beranggapan bahawa *hajr* kerana bankrap sebagai sebab yang menjadikan *mudārib* terpecat kerana *mudārib* bukan bekerja secara sukarela. Cuma mereka berbeza pendapat dengan Abū Ḥanīfah mengenai bidangkuasa pengurusan harta oleh orang yang bankrap. Bagi mereka orang bankrap tetap bebas menguruskan perniagaan tetapi tidak boleh membuat kontrak *tabarru'*. Berbeza dengan Abū Ḥanīfah yang tidak mengenakan apa-apa sekatan pengurusan ke atas orang bankrap.<sup>134</sup>

## 2. 8. Berakhirnya masa yang ditetapkan dalam *mudārabah* bertempoh

*Fuqahā'* Hanafi dan Hanbali<sup>135</sup> berpendapat bahawa kontrak *mudārabah* harus dibuat dengan menentukan tempoh masa pelaksanaannya, seperti kontrak

bererti jika dia seorang *mudārib* maka kedudukannya sebagai *mudārib* tidak terjejas dengan kebankrapannya. Lihat al-Syīrāzī (1994), *op.cit.*, j.1, h. 425; Lihat juga Ibn Qudāmah (1998), *op.cit.* j.2, h. 137.-138.

<sup>131</sup> al-Sarakhsī (t.t), *op. cit.*, j 24, h.163.

<sup>132</sup> *Ibid.*

<sup>133</sup> Mahmud al-Azwajandī , *Fatāwa Qaḍī Khān*, j.3, dalam *hamisy* Mawlānā Syaykh Nizām (t.t) , *op.cit.*, j. 3, h. 835; al-Khaṭīf (t.t), *op.cit.*, h. 109; al-Ghayātī ( 1988) , *op.cit.*,h. 97.

<sup>134</sup> al-Marghinānī (t.t) , *op.cit.*, j.3, h. 285.

<sup>135</sup> al-Kāṣanī ( t.t) , *op.cit.*, j. 8, h. 3633; Ibn Qudāmah ( 1981) , *op. cit.*,j.5, h. 69.

*mudārabah* yang dibuat dalam tempoh setahun, dua tahun atau sebagainya. Apabila habis masa yang ditentukan, maka kontrak *mudārabah* itu dikira tamat dengan syarat bahawa modal *mudārabah* pada ketika itu adalah berbentuk wang tunai, bukan barang perniagaan. Jika harta modal *mudārabah* itu masih dalam bentuk barang perniagaan, maka *mudārabah* dianggap masih berterusan, sekalipun sudah habis tempohnya sehingga *mudārib* dapat menukarkan barang itu kepada wang dan dengan itu dapatlah diketahui jumlah sebenar harta *mudārabah* iaitu modal dan untungnya, jika ada. Di waktu itu pemilik modal boleh mengambil kembali modal dan keuntungan yang terhak untuknya mengikut syarat yang dipersetujui dalam kontark. Demikian juga dengan *mudārib*, dia berhak mengambil bahagiannya daripada keuntungan *mudārabah*. Dalam mazhab Hanbali, memgenai *mudārabah* bertempoh ini, apabila telah berlalu tempoh yang ditetapkan, maka harta *mudārabah* bertukar menjadi harta *qard*. Maknanya penjualan yang berlaku selepas tempoh sesuatu kontrak *mudārabah* itu berakhir, maka semua keuntungan yang diperolehi adalah menjadi milik *mudārib* dan sebarang kerugian juga adalah tanggungannya.<sup>136</sup>

---

<sup>136</sup> Ibn Qudāmah , *Ibid.*